


Jilid I
Bil. 101



Hari Khamis
1hb Disember, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14265]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang [Ruangan 14296]

Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 14330]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN
HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS
YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P.
(Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD.
ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO
MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., A.M.N.
(Pulai).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL
SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI
IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P.
ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN,
D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong
Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN,
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR LING LIONG SIK,
D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN
ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI
OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Timbalan Menteri Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN,
P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ DATUK HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TUAN CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P, J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (BINTULU).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 1hb Disember, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang Dipertua: Yang
Berhormat Tuan Ban Hon Keong.

(*Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ban Hon
Keong tidak hadir.*)

JAMBATAN KAYU DI
JALAN MERSING KE
KELUANG

2. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan ada merancang untuk menggantikan semua jambatan kayu yang terdapat di jalan raya Mersing ke Keluang, Johor.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggantikan semua jambatan kayu dan jalan-jalan raya di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pembinaan gantian jambatan-jambatan ini perlu dikaji selaras dengan perancangan pembinaan ataupun pembesaran jalan secara menyeluruh bagi mempasti kelicinan sistem perhubungan jalan raya di masa-masa akan datang.

Mengenai jambatan-jambatan kayu di sepanjang jalan Mersing ke Keluang, langkah-langkah tertentu telah diambil di mana sehingga ini 3 buah jambatan kayu telah pun diganti dengan jambatan konkrit dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula Kementerian saya bercadang untuk menggantikan 3 buah lagi jambatan kayu di sepanjang jalan tersebut dan dianggar memakan belanja berjumlah \$900,000, akan tetapi oleh kerana keadaan ekonomi negara sekarang tidak mengizinkan pembinaan jambatan-jambatan itu terpaksa ditangguh buat sementara. Dalam keadaan ini Kementerian saya sedang membuat kajian kemungkinan untuk menggunakan jambatan besi pasang siap, dengan izin, prefabricated bagi menggantikan jambatan-jambatan kayu tersebut supaya dapat dijamin masa dan kos.

DEWAN NEGARA—
PENAMBAHAN AHLI

3. **Tuan V. Govindaraj** bertanya kepada Perdana Menteri jika keahlian Dewan Negara akan juga ditambah semasa keahlian Dewan Rakyat dinaikkan nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menambah bilangan Ahli Dewan Negara kerana keahliannya yang ada sekarang ini adalah selaras dengan keperluan semasa.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan supaya Senator-senator dipilih secara langsung oleh rakyat, kalau tidak apa sebab-sebabnya?

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya, soalan itu tidak bersangkut.

BANJIR MENGEJUT DI KUALA LUMPUR

4. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil oleh Kementerian beliau mengenai banjir mengejut yang kerap kali berlaku di kawasan Pasar Minggu, Kampung Limau dan Kampung Cendana, Kampung Baru, Kuala Lumpur, memandangkan kejadian ini telah berlarutan sebegitu lama.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang Dipertua, peruntukan sejumlah \$5.5 juta telah diluluskan untuk mencegah banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur dan sejumlah \$600,000 darinya telah dihaskan untuk membuang kelodak di Sungai Kelang untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Pasar Minggu, Kampung Limau, Kampung Cendana dan Kampung Bahru. Kawasan Kampung Bahru dan Kampung Cendana adalah rendah dan diperlindungi dari ancaman paras air sungai tinggi di Sungai Kelang oleh benteng di tebing sungai. Lima pintu kunci air di Kampung Bahru dan dua pintu kunci air di Kampung Cendana telah dibina untuk mengawal air Sungai Kelang yang tinggi supaya tidak memasuki kawasan rendah tersebut. Walau bagaimanapun, kawasan rendah

berhampiran pintu kunci air akan dibanjiri oleh air larian tempatan semasa air Sungai Kelang tinggi dan pintu air ditutup. Namun demikian, masalah banjir dari air larian tempatan adalah minima dan berlaku selama dua hingga empat jam sahaja dan akan disalurkan keluar dengan membuka pintu air setelah paras air sungai turun.

Sebanyak \$127,000 telah dibelanjakan dalam tahun 1983 untuk mendalamkan Sungai Kelang di Kawasan Kampung Bahru, Datuk Keramat hingga Kuala Sungai Ampang. Peruntukan tahun 1984 dan 1985 masing-masing adalah \$223,000 dan \$250,000 untuk mengatasi masalah banjir kilat tersebut.

Kejadian banjir kilat di kawasan tersebut telah dapat dikurangkan setelah kerja mendalamkan Sungai Kelang disiapkan. Kawasan rendah yang biasanya dibanjiri sedalam empat kaki dahulu telah dapat dikurangkan hingga sedalam satu kaki sahaja pada masa sekarang.

Kawasan Kampung Cendana dan Kampung Limau adalah kawasan yang rendah dan mudah air bertakung. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang untuk memindahkan mereka ini ke rumah-rumah pangsa sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah banjir yang dialami oleh penduduk-penduduk kawasan berkenaan. Walabegitu, pemindahan yang akan dijalankan adalah secara berperingkat-peringkat yang bergantung kepada kekosongan rumah pangsa yang ada.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bilakah Kerajaan akan memodenkan sungai-sungai dan sistem taliair di Wilayah Persekutuan dan membuat peruntukan bagi penduduk-penduduk di tebing sungai berpindah ke rumah-rumah pangsa bagi memudahkan Kerajaan meluas

dan mendalamkan sungai-sungai yang selalu banjir?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang ada rancangan untuk meluas dan mendalamkan lagi anak-anak sungai supaya bila terjadi banjir kilat ini air-air dapat disalurkan ke sungai-sungai dan tidak pula terjadi banjir yang mana kita alami dahulu.

Dalam rancangan tambahan air banjir yang mana pada peringkat ini dalam pelaksanaannya Kerajaan mementingkan sungai-sungai utama seperti Sungai Kelang, Sungai Gombak dan Sungai Batu dan juga anak-anak sungai yang mengalir ke Sungai Gombak. Maka dengan adanya rancangan tambatan air banjir ini Kerajaan dalam peringkat melaksanakan program seperti ini dan juga dengan adanya rancangan untuk memindahkan peringkat demi peringkat rumah-rumah yang berhampiran dengan tebing sungai ini maka kita berharap dalam masa-masa yang akan datang mengatasi kejadian banjir yang mengakibatkan sebahagian besar mangsa-mangsa yang mana kita tahu baru-baru sahaja telah pun berlaku.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan bagi mengelakkan banjir kilat ini adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina kolam tempat air berkumpul dan air itu diproses ke sungai misalnya supaya air hujan itu dapat berkumpul sebelum air itu mengalir ke sungai dan juga perparitan yang terus sampai ke sungai dan adakah pihak Wilayah Persekutuan ataupun Bandaraya mempunyai penguatkuasaan dilakukan di tempat-tempat pembinaan bangunan-bangunan atau tempat projek-projek dijalankan bagi

menentukan aliran air itu tidak diganggu oleh sebab pembinaan itu dan jika diganggu dikenakan denda misalnya.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, sepertimana kita semua sedia maklum, banjir yang ada berlaku di Wilayah Persekutuan ialah 2 jenis, dengan izin, satu flash flood dan juga seasonal flood.

Masalah banjir kilat ini berlaku apabila hujan tidak berhenti dalam tempoh 2-3 jam dan juga banjir ini tidaklah berlanjutan begitu panjang, yang mana juga kita semua sedia maklum kawasan Wilayah Persekutuan adalah terhad, maka dengan itu Kerajaan tidak ada rancangan untuk menempatkan ataupun mengadakan satu kolam tempat air berkumpul.

Seterusnya juga Kerajaan memang ada rancangan sepertimana saya katakan tadi dalam rancangan tambatan air banjir mengubahsuai dan seterusnya memperbaiki lagi dan memperbesarkan sistem perparitan yang ada sekarang.

Mengenai soalan yang kedua, mengenai dengan penguatkuasaan daripada Kerajaan terhadap pemaju-pemaju perumahan tempatan, ini memang ada. Pihak Dewan Bandaraya mengeluarkan satu kuasa yang mana sesiapa pemaju-pemaju yang hendak memajukan satu-satu kawasan perumahan terpaksa dikenakan bayaran yang tertentu kepada Dewan Bandaraya dan pihak Dewan Bandaraya pula dengan kerjasama pihak pemaju menentukan supaya sistem parit dan perairan itu tidak diganggu supaya tidak akan mengakibatkan ataupun menambahkan lagi masalah banjir.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah

menerangkan beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah banjir mengejut atau banjir kilat. Akan tetapi sungguhpun langkah-langkah sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada diambil tetapi nampaknya setiap kali hujan turun Kuala Lumpur menghadapi masalah banjir kilat dan ini telah menyebabkan banyak kesulitan kepada orang ramai.

Di sini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar; jika beliau sedar apakah tindakan yang positif yang telah diambil terhadap pihak-pihak yang tidak memajukan tanah dengan cara teratur yang telah menyebabkan lumpur ataupun hakisan tanah berlaku dan ini menjadikan longkang-longkang tersumbat dan akibatnya setiap kali hujan air naik dan akibatnya membanjiri jalan-jalan?

Saya hendak mendapat tahu apakah tindakan positif yang telah diambil terhadap pihak yang berkenaan?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi rancangan mencegah banjir rancangan jangka panjang. Jadi, mengenai dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu pihak Kerajaan memang sentiasa mengambil langkah-langkah supaya menentukan kejadian banjir ini tidak begitu besar. Saya telah pun menyatakan tadi bahawa pemaju-pemaju ataupun yang punya tanah yang tidak mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak Dewan Bandaraya ada kuasa Bandaraya untuk mengenakan tindakan kepada pemaju-pemaju itu yang hendak memajukan kawasan mereka terlebih dahulu mereka dikehendaki membayar yang sepatutnya untuk tabung di Dewan Bandaraya untuk pihak Dewan Bandaraya memperbaiki dengan kerjasama si pemaju keadaan, perparitan dan saluran air-air.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana apa yang sedang kita perkatakan ialah banjir kilat dan Yang Berhormat telah pun menerangkan bahawa Kerajaan akan membelanjakan tidak kurang daripada \$52 juta dan kita tahu bahawa banjir kilat ini berlaku

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: (Bangun).

Tuan Yang Dipertua: Nanti sekejap. Yang Berhormat hendak menerangkan apa?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, bukan \$50 juta.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Saya ingin tahu banjir kilat ini berlaku kerap kali apabila hujan datang tidak berhenti selama 2 atau 3 jam dan kita dapati ada beberapa pusat pemindahan banjir yang ada khasnya di Kampung Baru. Di kawasan seperti Kampung Chendana dan, Kampung Limau yang kita akui adalah kawasan rendah selalu dilanda banjir ini kita dapati tidak ada sampan kecil ataupun bot kecil untuk membawa keluar penduduk-penduduk di kawasan itu tetapi banyak sampan-sampan ini diletakkan di Dewan Bandi agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Soalan saya, adakah Kementerian ini mencadangkan supaya sampan-sampan ini diletakkan disimpan di kawasan-kawasan banjir ataupun pusat-pusat pemindahan banjir ini?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat yang membina itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 36 pusat ataupun tempat pemindahan banjir di Wilayah Persekutuan dan setakat ini dianggarkan jumlah 36 ini adalah mencukupi.

Biasanya banjir di Wilayah Persekutuan tidak lama dan ada setengah-setengah penghuni enggan untuk berpindah dengan alasan mereka hendak membasuh, mencuci rumah-rumah mereka apabila banjir itu mulai surut ataupun tidak ada banjir lagi. Dengan itu, mereka pun enggan berpindah, mereka sanggup menunggu sampailah banjir itu surut dan kalau keadaan mendesak ataupun keadaan banjir itu sudah tidak dapat dikawal lagi, mereka memanglah akan berpindah.

Mengenai dengan cadangan untuk menempatkan bot-bot, sampan-sampan di tempat-tempat pusat yang ada, inilah sebabnya pada masa dahulu yang mana kita tidak menempatkan bot-bot ini kerana mereka tidak menggunakan bot-bot ini. Walau bagaimanapun, dengan adanya cadangan yang mana Yang Berhormat lahirkan tadi bahawa haruslah kita menempatkan bot-bot ini, kita boleh mula sekali lagi untuk menempatkan bot-bot ini di tempat-tempat yang mana dalam fikiran kita selalu dilanda banjir yang besar.

PERKHIDMATAN PENERBANGAN DI PANTAI TIMUR

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan perkhidmatan penerbangan penumpang/komersial daripada Singapura/Johor Bahru—Kuantan-Kuala Terengganu-Kota Bharu di masa hadapan, bagi memenuhi keperluan dan menggalakkan

Kemajuan Pelancungan dan ekonomi negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung. Adakah tidak Kerajaan bercadang hendak mewujudkan “pintu masuk” (point of entry) di Pantai Timur bagi penumpang-penerbangan dari Timur Jauh dan lain-lain yang hendak singgah ke negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan dan juga MAS sentiasa mengawasi kedudukan serta permintaan trafik dari Singapura ke tempat-tempat di Pantai Timur bagi menentukan adanya perkhidmatan penerbangan yang mencukupi untuk menampung permintaan. Sebagai satu usaha ke arah matlamat ini dan untuk menggalakkan industri pelancongan tempatan, Kerajaan telah meluluskan perkhidmatan penerbangan awam dari Singapura ke Kuantan dan balik oleh MAS dan SIA, di samping mengekalkan perkhidmatan yang sedia ada dari Johor ke Kuantan. Perkhidmatan ini telah pun bermula pada 15hb November, 1983.

Kerajaan dan MAS akan terus mengawasi permintaan trafik dari Singapura ke lain-lain tempat di Pantai Timur dan sekiranya ada permintaan yang mencukupi, perkhidmatan yang sewajarnya akan diadakan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, di dalam jawapan beliau tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa sekarang ini pihak MAS dan SIA telah pun mengadakan perkhidmatan di antara Singapura dan Kuantan. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah perkongsian penerbangan di antara MAS dan SIA dan siapakah yang lebih beruntung di dalam perkongsian ini dan berapakah penerbangan yang dibuat dalam seminggu?

Keduanya, Tuan Yang Dipertua, kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angka di sini, setakat ini berapa ramaikah penumpang yang terlibat dan mana lebih ramai; penumpang ke Singapura ataupun penumpang yang datang ke negara kita, dan di antara penumpang-penumpang ke negara kita ini sama ada terdapat pelancong-pelancong dari luar negeri, selain daripada warganegara Singapura.

Yang ketiganya, Tuan Yang Dipertua

Tuan Yang Dipertua: Panjang sangat itu!

Tuan Ismail bin Said: Sama ada terdapat keperluan untuk menaikkan taraf mana-mana lapangan terbang yang terdapat di Pantai Timur sekarang ini untuk dijadikan peringkat antarabangsa.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, memang benar panjang sangat soalan Ahli Yang Berhormat. Namun begitu, pada masa ini MAS mengadakan dua perkhidmatan seminggu daripada Kuantan ke Singapura dan balik, iaitu pada hari Selasa dan Jumaat dan SIA mengadakan satu kali seminggu, iaitu pada hari Ahad.

Saya tidak ada angka-angka yang detail untuk diberikan, sama ada penumpang daripada Kuantan ke Singapura adalah lebih daripada penumpang dari Singapura ke Kuantan ataupun sebaliknya kerana perkhidmatan ini hanya baru berjalan lebih kurang dua minggu yang sudah.

Begitu juga, dari segi sama ada, ada mereka daripada luar negeri datang melalui Singapura, akan tetapi memandangkan bahawa Singapura adalah merupakan satu "international destination", maka sudah pasti bahawa ada di antara mereka yang menggunakan perkhidmatan ini adalah datangnya daripada luar negeri

dan juga untuk melihat keadaan di Kuantan serta kawasan-kawasan Pantai Timur pada keseluruhannya.

Mengenai operasi ini adalah merupakan usahasama di antara kedua-dua pihak. Jadi, bermaknalah bahawa di dalam konteks usahasama ini jika ada apa-apa keuntungan ataupun kerugian adalah diberikan sama-sama kedua-dua syarikat penerbangan yang berkenaan.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat yang ketiga, iaitu sama ada Kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf lapanganterbang-lapanganterbang di Pantai Timur untuk dijadikan lapanganterbang antarabangsa, sebagaimana yang saya perkatakan tadi perkara ini adalah sentiasa di dalam awasan dan penelitian Kerajaan dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pengangkutan mengenai pelancungan. Terdapat di negara kita banyak pelancung-pelancung yang datang dan dalam negara kita didapati banyak tempat-tempat yang cantik-cantik, indah-indah seperti tasek-tasek, Tasek Bera dan sebagainya. Adakah pihak Kementerian Pengangkutan bercadang untuk mengadakan perkhidmatan helikopter untuk mengangkut pelancung-pelancung kepada tempat-tempat yang indah-indah ini, seperti di Gunung Tahan dan di Terengganu, di Pasir Raja dan banyak di negara kita tempat yang tidak ada di Eropah? Maka adakah Kerajaan sedar dan ada bercadang untuk mengadakan perkhidmatan helikopter?

Yang kedua, setengah-setengah negeri kita didapati mustahak kepada perkhidmatan penerbangan malam hari (midnight), yang ada sekarang daripada Kuala Lumpur hanya ke Pulau Pinang, dari Kuala Lumpur ke

Singapura penerbangan malam, tetapi ke Terengganu tak ada, ke Kelantan ada. Jadi, adakah bercadang untuk hala ke Terengganu pula?

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya, yang pertama itu tak berkenaan. Yang kedua itu, boleh jawablah.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan rancangan bagi mengadakan perkhidmatan waktu malam, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tadi Kota Bharu pun sudah ada dan begitu juga Kuantan pada masa ini. Perkhidmatan ke Kuala Terengganu adalah tergendala sedikit memandangkan bahawa "airfield lighting" dan juga ada "hangar" kepunyaan satu syarikat swasta di sana yang belum dapat kita alihkan. Jadi, ini akan menjadi satu halangan untuk kapal terbang mendarat di waktu malam, tetapi apabila sudah dapat dialihkan "hangar" yang berkenaan, maka perkhidmatan malam ke Kuala Terengganu akan diadakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan adakah sebab kita tidak mencukupi kapal terbang ataupun tidak mencukupi peruntukan dengan sebab kita terpaksa menyerahkan daripada Singapura ke Kuantan itu kepada SIA dan apabila ada SIA ke Kuantan ini menyebabkan perjalanannya tak habis. Adakah menyebabkan untuk mengadakan Kuantan ke Kota Bharu dan Kota Bharu-Kuantan dan Singapura?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, bukanlah sebab MSA tidak mencukupi kapal terbang menyebabkan operasi usahasama SIA-MAS ini diadakan, tetapi inilah memandangkan bahawa kerjasama di antara kedua-dua negeri, khususnya di antara kedua-dua syarikat

penerbangan yang berkenaan yang pada mulanya adalah merupakan satu, iaitu MSA pada masa dahulu. Maka dengan semangat ini dan juga dengan semangat negara-negara ASEAN itulah usahasama yang telah diadakan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan masih lagi mengkaji keperluan untuk mengadakan sebuah lapangan terbang antarabangsa atau point of entry, dengan izin, di Pantai Timur. Saya ingin tahu apa jadi dengan ura-ura hendak menjadikan Lapangan Terbang Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa iaitu pintu masuk (point of entry).

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, pada masa ini keadaan di Kota Bahru belum memerlukan ianya dijadikan satu kawasan pintu masuk bagi negara kita ini, namun demikian Kerajaan sedang mengkaji perkara ini dengan begitu telitinya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus, penghabisan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Soalan tambahan. Memandangkan kemungkinan pada masa akan datang penerbangan daripada Singapura ke Kuantan akan dilanjutkan ke Kuala Terengganu dan Kota Bharu dan memandangkan Lapangan Terbang Kuala Terengganu yang dibesarkan akan siap tidak berapa lama lagi dan pada masa ini tidak boleh digunakan untuk pendaratan Boeing 737, saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah penerbangan Boeing 737 akan dapat dimulakan di Kuala Terengganu?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, mengikut jadual seperti mana yang saya katakan tadi selain daripada pendaratan waktu malam berdasarkan kepada adanya hangar yang belum dapat kita alih itu maka dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu kita berharap bahawa hangar yang berkenaan dapat dialih dengan secepat mungkin dan pada akhir ataupun awal 1985 maka bolehlah kapal terbang jenis Boeing mendarat di kawasan yang berkenaan.

PENDAPATAN PER KAPITA RAKYAT MALAYSIA

6. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah pendapatan per kapita rakyat Malaysia sekarang dan di peringkat manakah posisi negara kita dalam perkembangan ekonomi berbanding dengan negara-negara membangun terutama di Asia.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, berdasarkan KDNK atau Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita rakyat Malaysia bagi tahun 1983 adalah dianggarkan dalam lingkungan \$4,650 atau wang Amerika Syarikat 1,970 dollar. Pendapatan per kapita ini telah meningkat sebanyak 451% berbanding dengan pendapatan per kapita kira-kira \$1,030 atau wang Amerika Syarikat 334 dollar pada tahun 1970. Ini merupakan satu kedudukan yang baik dan menggalakkan jika dibandingkan dengan perkembangan di negara-negara membangun yang lain terutama di Asia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan-perangkaan mengenai perkembangan ekonomi bagi negara-negara membangun terutama di Asia serta perkembangan ekonomi Malaysia sekarang ini adalah terkandung dalam Laporan Ekonomi

Tahunan Kementerian Kewangan bagi tahun 1983/1984 yang telah dibentangkan di Dewan ini pada 21hb Oktober, 1983 yang lalu. Kedudukan ekonomi Malaysia sekarang ini berada dalam keadaan yang teguh dan memuaskan berbanding dengan negara-negara membangun terutama di Asia.

Bagi tahun 1982 berasaskan kepada KDNK, per kapita Malaysia berada di tempat yang keempat iaitu selepas Jepun, Singapura dan Hongkong tetapi di kalangan negara-negara ASEAN kedudukan Malaysia adalah No. 2 selepas Singapura. Di kalangan 94 buah negara-negara sedang membangun dunia ketiga pula, kedudukan Malaysia mengikut perangkaan Bank Dunia adalah di tempat ke-17 iaitu selepas negara-negara seperti berikut:

- (1) Trinidad dan Tobago.
- (2) Argentina.
- (3) Singapura.
- (4) Hongkong.
- (5) Venezuela.
- (6) Israel.
- (7) Greece.
- (8) Uruguay.
- (9) Mexico.
- (10) Chile.
- (11) Yugoslavia.
- (12) Afrika Selatan.
- (13) Portugal.
- (14) Algeria.
- (15) Panama.
- (16) Brazil.
- (17) Malaysia.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan bagaimana cara jumlah per kapita ini dikira? Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk

mengira dengan cara yang lebih spesifik lagi seperti per kapita mengikut lower income group ataupun higher income group dan sebagainya berdasarkan kepada faktor-faktor yang didapati daripada perangkaan income tax dan sebagainya? Yang ketiga, adakah Kerajaan mempunyai angka-angka per kapita mengikut bangsa seperti Melayu, Cina dan India dan Bumiputra, bukan Bumiputra dan apakah jumlah pendapatan yang besar yang menyebabkan tingginya per kapita income negara kita?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, cara untuk mengira per kapita income ini adalah berdasarkan atas KDNK atau GDP (Gross Domestic Product) dan Gross Domestic Product ini dibahagikan dengan population sesebuah negara. Mungkin ada kemungkinan besar iaitu pendapatan per kapita ini bukan sesuatu petunjuk yang sangat memuaskan tetapi pada dasarnya lain-lain faktor atau lain-lain petunjuk-petunjuk tidak boleh dikira dengan sangat betul seperti standard of living atau taraf hidup yang bergantung kepada beberapa faktor seperti taraf perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang ada di negara itu iaitu berapakah besar peranan yang dimainkan oleh Kerajaan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan sosial seperti sekolah-sekolah, klinik-klinik, infrastruktur seperti jalan-jalan, bekalan air, bekalan elektrik dan lain-lain faktor seperti income distribution atau pengedaran pendapatan tetapi pada kasarnya pendapatan per kapita berdasarkan kepada KDNK adalah yang cukup sesuai.

Saya percaya saya telah menyentuh di atas apa lain-lain index yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi. Berkenaan dengan angka-angka mengikut kaum, Tuan Yang Dipertua, itu saya berkehendakkan notis.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih atas penerangan-penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya memohon kalau dapat tahu peningkatan KDNK negara kita dan seterusnya menyebabkan pendapatan per kapita negara meningkat. Adakah ini disebabkan oleh beberapa perubahan struktur ekonomi yang jelas misalnya sektor perindustrian dan pembinaan menjadi lebih penting pada masa yang kepas dan sama ada juga disebabkan oleh pertumbuhan peningkatan sektor-sektor tertentu itu sendiri?

Yang keduanya, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana konsep per kapita income ini merupakan satu konsep pukul rata, saya mohon hendak mendapat tahu melalui Dewan ini bagaimanakah sebenarnya keadaan perbezaan jurang pendapatan di antara golongan yang kaya dan yang tidak berada yang paling miskin dan apakah sebenarnya kita telah dapat mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara golongan berada dan tidak berada ini ataupun jurang itu makin bertambah besar lebih-lebih lagi daripada segi real income?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, seperti saya telah nyatakan tadi pendapatan per kapita dikira di atas Gross Domestic Product yang dibahagikan dengan population yang ada. Tetapi pertumbuhan apa yang telah meningkatkan pendapatan per kapita ini 451% dalam tempoh tahun 1970 hingga tahun ini adalah di atas pertumbuhan ekonomi yang telah bergantung kepada beberapa faktor. Yang pertama, negara kita telah mengadakan suatu dynamic agriculture policy atau dasar pertanian yang dinamis yang telah di mana skim FELDA, FELCRA, ladang-ladang semua telah tumbuh dengan baik, dan jika tidak salah saya

telah tumbuh secara 60% hingga 90% setahun sejak tahun 1970an.

Dan juga negara kita telah mengadakan satu policy atau dasar perindustrian yang telah menolong juga pertumbuhan ekonomi dan juga dengan pertolongan Tuhan atau nasib baik kita telah mengadakan sesuatu sektor yang baharu dalam tahun tujuh puluhan iaitu sektor galian di mana minyak dan gas asli telah didapati. Dan semuanya ini adalah faktor-faktor yang telah menolong negara kita bertumbuh dengan peratusan yang baik tahun demi tahun.

Soalan yang ketiga, Ahli Yang Berhormat itu seperti saya telah menyatakan adalah khusus sangat dan saya tidak ada angka-angka perbezaan pendapatan per kapita antara apa yang tinggi dan apa yang di bawah.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, satu soalan sahaja.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya berhubung dengan pendapatan per kapita di negeri-negeri. Jadi, saya ingin tahu berapa buah negerikah di negara kita ini di mana pendapatan per kapitanya di bawah per kapita negara. Yang keduanya

Tuan Yang Dipertua: Saya benarkan satu soalan sahaja.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf oleh kerana angka-angka ini tentu ada, tetapi pada hari ini saya tidak dapat memberinya.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu soalan penghabisan, satu soalan sahaja.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada usaha-usaha yang dibuat menyebabkan

Malaysia mendapat kenaikan yang amat tinggi iaitu 451% daripada segi per kapita daripada tahun 1970 hingga 1983. Satu kenaikan yang amat menakjubkan. Tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kenaikan 451% ini boleh dianggap sebagai mencerminkan kenaikan taraf hidup rakyat, oleh kerana saya percaya kenaikan ini tidak mengambil kira perubahan-perubahan struktur pertukaran kewangan antarabangsa dan juga faktor-faktor inflasi di dunia.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat itu menyatakan sesuatu yang betul, iaitu peratusan 451% ini tidak mengambil kira dasar inflasi sejak tahun 1970.

-Tetapi saya meminta maaf lagi oleh kerana kadar inflasi dari tahun 1970 sampai sekarang, saya tidak dapat memberi angka dengan tepatnya.

KUASA AHLI-AHLI JAWATANKUASA RUKUN TETANGGA

7. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hak dan kuasa ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam pengendalian sektor-sektornya;
- (b) sama ada mereka berkuasa mengugut penghuni-penghuni yang enggan menunaikan tugas-tugas Rukun Tetangga mereka; dan
- (c) sama ada beliau sedar terdapat Sektor-sektor Kategori III yang tidak membekalkan peronda-perondanya dengan "cota dan wisel", jika ya, apakah langkah yang akan diambil.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Lee Kim Sai): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab

soalan pertama terlebih dahulu benarkan saya menjelaskan kedudukan pembahagian kategori yang ada sekarang. Semenjak 1hb Januari, 1983 kesemua sektor Rukun Tetangga telah disusun semula dan dipecahkan kepada tiga kategori iaitu kategori I yang dikenali sebagai kawasan Rukun Tetangga.

Kategori II sebagai sektor pendaftaran Rukun Tetangga dan kategori III sebagai sektor keselamatan Rukun Tetangga.

Oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat dari Lumut cuma menyentuh hak dan kuasa ahli Jawatankuasa dalam mengendalikan sektor-sektornya maka saya akan hanya menumpukan jawapan kepada hak dan kuasa ahli Jawatankuasa dalam kategori II dan III sahaja, yang dikenali sebagai sektor-sektor Rukun Tetangga.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan 9 dan 10, Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975, ahli Jawatankuasa Sektor-sektor Rukun Tetangga mempunyai hak dan kuasa seperti berikut:

- (a) Kuasa sebagai seorang pegawai polis berpangkat mata-mata semasa menjalankan tugas dalam sektor jagaannya.
- (b) Kuasa menghendaki mana-mana orang supaya menjawab apa-apa soalan berhubung dengan perjalanan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa di bawah Peraturan 8, Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975.
- (c) Kuasa menghendaki mana-mana orang supaya menjawab apa-apa soalan berkenaan dengan pengetahuan orang itu mengenai apa-apa aktiviti yang menyalahi Undang-undang.

(d) Kuasa menghendaki mana-mana pemastautin supaya memberi bantuan dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan atau penggunaan mana-mana harta jika sekiranya berlaku sesuatu kebakaran, banjir, tanah runtuh, kekacauan awam atau lain-lain kejadian yang menjadikan bantuan itu perlu.

Selain daripada itu, ahli Jawatankuasa juga berkuasa menghendaki mana-mana orang dalam sektor supaya hadir dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa untuk membolehkan Jawatankuasa membuat apa-apa penyiasatan yang perlu dalam menjalankan tugas dan kewajipan Jawatankuasa.

Menyentuh soalan kedua sama ada ahli Jawatankuasa berkuasa mengugut penghuni-penghuni yang enggan menjalankan tugas Rukun Tetangga, jawapannya ialah tidak.

Walau bagaimanapun seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 9 (1) (a), Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975, Jawatankuasa Sektor Rukun Tetangga mempunyai kuasa untuk menghendaki sama ada secara lisan atau bertulis mana-mana orang dalam sektor termasuk pemastautin yang enggan menjalankan tugas Rukun Tetangga supaya hadir di hadapan sesuatu mesyuarat Jawatankuasa untuk membolehkan Jawatankuasa membuat apa-apa penyiasatan yang perlu bagi melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan mereka.

Dalam penyiasatan itu, Jawatankuasa biasanya akan menarik perhatian pengengkar-pengengkar kepada peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 tentang tugas dan kewajipan seseorang pemastautin serta penalty atau denda yang boleh

dikenakan atas kesalahan yang dilakukannya.

Proses penyiasatan Jawatankuasa ini mungkin telah disalah anggap sebagai suatu tindakan mengugut penghuni-penghuni sektor.

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang ketiga, saya tidak sedar adanya Sektor-sektor Kategori III yang tidak membekalkan cota dan wisel kepada peronda-peronda.

Peronda-peronda di sektor keselamatan lazimnya dibekalkan dengan alat-alat rondaan seperti cota dan wisel yang dibeli dengan wang subsidi Kerajaan atau sumbangan Ahli Jawatankuasa itu sendiri. Ahli Jawatankuasa sentiasa berusaha memastikan supaya bekalan alat-alat tersebut adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, alat-alat tersebut kadang-kadang didapati hilang akibat kecuai dan sikap tidak bertanggungjawab setengah-setengah peronda dan pengawal pondok. Namun begitu, apabila perkara ini berlaku, Jawatankuasa sektor biasanya akan membeli alat-alat baru untuk menggantikannya.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Memandangkan dakwaan-dakwaan yang timbul dari semasa ke semasa mengenai pencerobohan-pencerobohan oleh bot-bot pukut tunda di kawasan nelayan pantai, sama ada rondaan-rondaan Rukun Tetangga akan diwujudkan di kawasan laut yang tertentu?

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, mengikut Akta Rukun Tetangga, hanya kawasan darat sahaja yang dikenakan kawalan Skim Rukun Tetangga. Tetapi rondaan untuk memastikan keselamatan laut, rasa saya itu kuasa Merin ataupun Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan Kategori III Rukun Tetangga itu mengenai kejayaan membasmi jenayah di kawasan tersebut memandangkan mereka yang dipertanggungjawabkan menjaga kawasan Rukun Tetangga itu tidak diberikan apa-apa senjata kerana saya percaya sekiranya mereka itu berhadapan dengan penjahat-penjahat yang bersenjata, nescaya mereka akan lari daripada menangkap penjahat itu?

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang memberhentikan sahaja Kategori III itu dan menggantikan dengan secara menubuhkan Jawatankuasa Muhibbah yang saya percaya lebih berkesan?

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan setakat ini memang berpuas hati dengan usaha yang dijalankan oleh Rukun Tetangga Kategori III yang berupa membuat rondaan kerana rondaan itu kadangkala dijalankan dengan kerjasama pihak Polis dan peronda-peronda apabila menjalankan tugas mereka lebih memainkan peranan sebagai mata dan telinga Kerajaan. Jadi kalau didapati ada anasir ataupun orang-orang jahat yang mengancam ketenteraman sesuatu kawasan, kerjasama ataupun pertolongan daripada pihak Polis sentiasa didapati untuk memastikan tugas Rukun Tetangga di Kategori III itu dijalankan dengan berkesan.

Kerajaan memang dengan objektif apabila membuat pindaan Akta Rukun Tetangga supaya Rukun Tetangga itu lebih menumpukan kepada usaha kejuruan. Kategori IV yang sekarang masih menjalankan rondaan itu memang diberi perhatian supaya kalau ancaman ke atas keselamatan itu tidak begitu merunsingkan, Jawatankuasa yang berkenaan sentiasa diingatkan supaya

menyemak semula sama ada perlu dijalankan perondaan di satu-satu kawasan itu. Walau bagaimanapun, apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk seberapa yang boleh menukarkan Kategori III itu kepada Kategori II ataupun I untuk menjalankan kegiatan muhibbah dan kejiranan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada Jabatan yang berkenaan ada menerima aduan daripada orang ramai tentang ugutan terhadap penghuni yang enggan menjalankan tugas Rukun Tetangga. Jika ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberitahu Dewan ini berapakah kes-kes yang telah disampaikan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap orang-orang ataupun pegawai-pegawai yang bertugas yang menyalahgunakan kuasa mereka itu?

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi bahawa setiap penghuni diminta untuk menghadapi ataupun menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sektor supaya membincangkan sesuatu khususnya yang berkenaan dengan sikap enggan menjalankan tugas Rukun Tetangga. Jadi rasa saya kes-kes yang berlaku begini, saya harap tidak akan dianggap bahawa Jawatankuasa Sektor itu mengugut penghuni-penghuni yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua: Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

BPR—JUMLAH KES SIASATAN DAN DIDAKWA

9. **Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah aduan

yang diterima oleh Badan Pencegah Rasuah dalam tahun 1981, 1982 dan sehingga September, 1983; jumlah dari aduan-aduan ini yang disiasat dan jumlah yang dibawa ke mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, jika apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari soalnya itu ialah jumlah aduan yang diterima oleh Badan Pencegah Rasuah itu, pada pendapat saya, jumlah maklumat/tohmahan rasuah yang diterima oleh Jabatan ini bagi tahun 1981, 1982 dan sehingga September, 1983 dan jika anggapan saya ini betul, maka jumlah-jumlahnya adalah seperti berikut:

Tahun	Maklumat yang diterima	Di-siasat	Didakwa
1981 ..	7,394	2,263	185
1982 ..	10,983	4,462	229
1983 ..	6,636	2,439	167
JUMLAH ..	25,013	9,129	581

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kedudukan rasuah dalam negara kita ini telah mencapai satu tahap yang merbahaya atau punya hanya sederhana sahaja ataupun kalau dibandingkan dengan kedudukan rasuah dalam negara-negara di Asia ini Malaysia adalah yang terendah sekali? Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, rasuah di negara kita memang wujud, kalau tidak sudah tentu BPR sudah ditutup, tetapi keadaannya tidaklah begitu berleluasa kerana aktifnya Badan Pencegah Rasuah dalam mencegah dan dalam menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan juga aktifnya rakyat

menyampaikan aduan-aduan dan maklumat-maklumat yang berhubung dengan kes-kes yang dianggap berlakunya rasuah sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

PULAU KECIL AMBOYNA

12. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Diplomatik yang telah dan akan diambil berkenaan dengan Pulau Kecil Amboyna dan bilakah Negara kita bercadang membincang dengan pihak Vietnam mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi pada 18hb Oktober, 1983 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PROJEK TRUCK MALAYSIA

13. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan hasil perbincangan yang diadakannya dengan usahawan-usahawan Jepun mengenai "Projek Truck Malaysia" semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini ke Jepun.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Semasa lawatan ke Jepun baru-baru ini oleh Y.A.B. Timbalan

Perdana Menteri telah mengambil kesempatan untuk berbincang dengan beberapa Syarikat Jepun mengenai kemungkinan untuk membangunkan perusahaan pengeluaran kereta perdagangan di Malaysia. Ahli-ahli perniagaan Jepun telah dimaklumkan mengenai hasrat Kerajaan untuk meningkatkan seberapa tinggi yang boleh penggunaan komponen tempatan yang akan memberi faedah kepada pembangunan industri negara keseluruhannya dengan kos yang munasabah. Adalah dijangkakan yang mereka akan mengemukakan cadangan-cadangan berpandukan kepada hasrat Kerajaan tersebut sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri kepada mereka.

PULAU LABUAN DI- JADIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

14. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah reaksi Kerajaan Persekutuan apabila Kerajaan Negeri Sabah telah menawarkan untuk menyerahkan Pulau Labuan untuk dijadikan Wilayah Persekutuan;
- (b) adakah rundingan-rundingan telah dijalankan, begitu juga kajian-kajian kemungkinan jika ingin dijadikan Wilayah Persekutuan; dan
- (c) adakah tempat-tempat lain juga sedang diberi perhatian oleh Kementerian demi untuk kepentingan Negara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya jawapan bagi ketiga-tiga soalan ini telah pun diberikan dalam Dewan yang mulia ini iaitu serentak dengan jawapan kepada pertanyaan

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 25hb Oktober, 1983. Jadi, dengan itu saya tidak bercadang hendak memberi apa-apa maklumat tambahan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8, 10 dan 11 adalah diberi di bawah ini).

PERBELANJAAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI

1. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan pada pelajaran di seberang laut untuk tahun 1980, 1981 dan 1982.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Untuk makluman Yang Berhormat, berikut ialah jumlah wang yang telah dibelanjakan pada pelajaran oleh Kerajaan dan badan-badan berkanun yang menjadi penganjur pelajar-pelajar ke luar negeri mengikut tahun:

- (i) 1980 = \$ 95.31 juta.
- (ii) 1981 = \$178.935 juta.
- (iii) 1982 = \$265.36 juta.

KAYU BALAK YANG DIPASARKAN

8. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Kerajaan menduga 19.8 juta hektar kayu balak yang boleh dipasarkan akan terpupus berdasarkan kadar eksploitasi sekarang dan apakah sebenarnya dasar pemeliharaan hutan (forest conservation policy) yang digunakan oleh Kementeriannya untuk memastikan bahawaimbangan ekologi alam sekitar kita dilindungi dengan baik.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, kawasan seluas 19.7 juta hektar itu adalah luas kawasan hutan di seluruh negara yang mana 11.6 juta hektar adalah Hutan Simpan Kekal dan 8.1 juta hektar adalah kawasan tanah Kerajaan yang boleh dimajukan untuk pembangunan pertanian. Bagi kawasan Hutan Simpan Kekal, pengurusan hutan adalah atas dasar pengeluaran secara berkekalan. Pengurusan secara ini khasnya melalui pembalakan secara sistem pemilihan menjamin hanya pokok tertentu sahaja yang ditebang, meninggalkan pokok-pokok yang lain untuk terus diberi rawatan sehingga mencapai paras boleh ditebang. Selain daripada sistem tebangan ini, Kerajaan juga menjalankan usaha pemulihan hutan melalui rawatan silvikalcar yang dapat menentukan bahawa pokok-pokok yang masih kecil perepangnya akan dapat ditebang kemudian kelak. Dengan pemakaian sistem pengurusan secara berkekalan ini sumber hutan negara di kawasan Hutan Simpan Kekal akan terus dapat membekalkan keperluan kayu-kayan negara.

Dasar pemeliharaan hutan negara dapat dilihat dari segi penubuhan kawasan Hutan Simpan Kekal seluas 11.6 juta hektar yang mana seluas 3.7 juta hektar adalah merupakan hutan perlindungan dan hutan lipur. Tujuan diadakan hutan perlindungan ini ialah untuk menjaga imbangan ekologi dan alam sekitar khasnya di kawasan-kawasan yang bercerun tinggi. Bagi kawasan Hutan Simpan Kekal yang dibalak, usaha pemulihan melalui rawatan silvikalcar adalah dipergiatkan. Di samping itu, penyelidikan sedang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan mengenai teknik pembalakan yang paling sesuai bagi menentukan kerosakan yang minima kepada ekologi dan alam sekitar di dalam sesuatu operasi membalak. Semua langkah ini adalah bertujuan untuk

memelihara imbalan ekologi dan alam sekitar dalam kawasan pembalakan.

TANAMAN SEMULA HUTAN

10. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hingga Ogos 1983 apa kejayaan telah dicapai di bidang penanaman semula hutan di Sarawak dan berapa luasnya penanaman semula telah dilaksanakan serta apa jenis hutan ditanam semula.

Dato Paul Leong Khee Seong: Mengikut Kerajaan Negeri Sarawak, penanaman semula hutan di Sarawak telah dilaksanakan sejak tahun 1979 di kawasan yang telah dimusnahkan oleh kegiatan "pertanian pindah" di dalam hutan simpan kekal. Sehingga ini, kerja-kerja penanaman semula itu telah dilaksanakan di enam kawasan hutan yang melibatkan lebih kurang 742 hektar.

Pokok-pokok yang ditanam bagi tujuan penanaman semula ini adalah dari jenis Mahogani, Ipil-ipil, Durian, Engkabang, Kayu Afrika, "Acacia mangium", "Hoop Pine" dan "Klinki Pine".

FERI SEMENANJUNG— SARAWAK/SABAH— PERKHIDMATAN

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melaksanakan perkhidmatan feri antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak/Sabah sebagai langkah ke arah integrasi serantau dan perpaduan negara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jawapan yang sama telah pun diberikan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau pada 7hb November, 1983.

Dengan itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (30hb November, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Labis minta teruskan.

3.32 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang Dipertua, saya mengambil peluang ini untuk meneruskan hujah-hujah saya bagi menyokong suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya kadar levi yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan yang keluar daripada negara kita ini supaya diperjenis ataupun "dicategorisekan" mengikut barangan-barangan yang dibawa iaitu misalnya barangan-barangan utama seperti getah, bijih timah, kayu-kayan, kayu balak dan minyak sawit dikenakan kadar yang lebih tinggi daripada barangan-barangan yang lain. Dan kadar ini hendaklah dinaikkan dari setahun ke setahun untuk masa lima tahun akan datang oleh kerana sebagai negara pengeluar barangan-barangan utama seperti yang saya sebutkan tadi sudah

tentulah keutamaan haruslah kita berikan kepada penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita sendiri.

Saya juga mencadangkan supaya pengecualian diberikan kepada jenis-jenis barangan yang dikeluarkan oleh petani-petani kecil nelayan-nelayan iaitu ikan dan juga buah-buahan sesuai dengan hasrat Kerajaan kita hendak menggalakkan pengeksportan yang lebih akan buah-buahan tempatan kita seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan baru-baru ini. Dan cadangan kepada pengecualian barangan seperti ikan ialah kerana seperti yang kita ketahui negara Singapura merupakan satu pasaran yang sedia dan satu pasaran yang besar bagi keperluan pengeluaran ikan negara kita ini dan dengan adanya pasaran yang tersedia ini sudah tentulah harga ikan akan dapat dikawal dan ianya akan mendatangkan keuntungan kepada nelayan-nelayan.

Tuan Yang Dipertua, Akta ini juga, pada pendapat saya, akan memberikan nafas baru kepada industri perkapalan kita. Oleh kerana kalau dipertingkatkan lagi penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita sendiri sudah tentulah penggunaan perkapalan, penggunaan kapal-kapal negara kita sendiri akan bertambah dan ini sudah tentulah akan dapat mendatangkan keuntungan kepada industri perkapalan negara kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya juga sedar bahawa terdapat sungutan dan rungutan daripada pengusaha-pengusaha lori tempatan yang telah mengalami kerugian akibat daripada Akta ini tetapi pada pendapat saya ini lebih merupakan satu masalah penyesuaian (adjustment) dan ini juga merupakan satu cabaran kepada pengusaha-pengusaha lori kita supaya mereka menghalakan pandangan mereka kepada perniagaan yang

terdapat di dalam negara kita sendiri. Maknanya dengan adanya Akta ini tidak bermakna bahawa peluang pendapatan mereka tertutup sama sekali.

Dalam hal ini juga, Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu Institut Import Eksport oleh kerana pentingnya kita mengkaji dan meninjau dari masa ke semasa mengenai masalah-masalah yang ada kaitan dengan eksport-import barangan kita. Saya rasa mungkin institut seperti ini akan dapat memberikan pandangan-pandangan, memberi nasihat-nasihat kepada Kementerian-kementerian berkenaan mengenai kelemahan yang terdapat daripada segi penyelenggaraan pelabuhan-pelabuhan kita, daripada segi penyelenggaraan "outlet" pengangkutan. Saya rasa ini adalah penting oleh kerana selama ini mungkin kita tidak mengkaji apakah sebabnya begitu banyak pengusaha-pengusaha, pengeksport-pengeksport menggunakan saluran-saluran yang lain daripada saluran-saluran yang terdapat dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja pendapat-pendapat saya dan saya mohon menyokong Akta ini.

3.40 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya membincangkan di samping memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersamping dengannya.

Tuan Yang Dipertua, saya berasa kecewa di atas sikap Wakil dari Seremban semasa membentangkan

hujah-hujahnya semalam di mana Wakil tersebut ada meminta Kerajaan supaya Kerajaan menarik balik Rang Undang-undang yang sedang kita perbahaskan sejak dari semalam lagi. Wakil tersebut seolah-olah mengajak Kerajaan bermain tarik tali ataupun seolah-olah mengajak Kerajaan supaya main sorong tarik. Di dalam hal ini, inginalah dijelaskan bahawa Kerajaan kita yang ada sekarang ini bukannya merupakan satu Kerajaan yang lemah. Kerajaan pada hari ini iaitu Barisan Nasional bukannya merupakan Kerajaan yang tidak matang di dalam tindak-tanduknya dan Kerajaan yang wujud pada hari ini bukan seperti kata orang berumur setahun jagung ataupun berdarah setempok pinang. Tindak-tanduk Kerajaan tegas dan di atas ketegasan serta kematangan tersebut, ingin saya mengucapkan syabas dan tahniah, dan di dalam konteks ini tahniah kepada Kerajaan kerana membawa Rang Undang-undang levi Kenderaan Barang-barang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bantahan yang dibuat oleh Wakil dari Seremban semalam adalah merupakan satu bantahan yang hanya semata-mata bersandarkan kepada isi ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membentangkan ucapan Belanjawan Negara tahun 1984 yang lalu khusus mengenai levi kenderaan ini, iaitu mengenakan levi \$100 terhadap semua jenis kenderaan barang yang meninggalkan Malaysia.

Saya yakin dan saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat tersebut tidak membaca Rang Undang-undang Levi yang sedang dibahaskan sekarang. Kerana jika sekiranya Ahli Yang Berhormat tersebut membaca, meneliti Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang ini, nescaya beliau tidak membuat cadangan kepada Kerajaan supaya

menarik balik Rang Undang-undang ini. Kerana Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang ini, terutamanya daripada Fasal 3 (2) dan Fasal 4 jelas menunjukkan kepada kita bahawa Menteri; saya bacakan, Tuan Yang Dipertua:

“Fasal 3 (2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan amaun yang hendak dilevikan di bawah Akta ini dan boleh, dari semasa ke semasa, meminda amaun tersebut.”

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Fasal 4 pula berbunyi:

“4. Menteri boleh melalui perintah mengecualikan, seluruh atau sebahagiannya dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana difikirkan patut dikenakan, mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang dari peruntukan-peruntukan Fasal 3.”

Ini bererti bahawa setiap kenderaan barangan yang meninggalkan Malaysia dikenakan levi. Tetapi amaun levi yang dikenakan kepada kenderaan barang-barang tersebut boleh dipelbagaikan. Contohnya, kalau lori besar membawa barangan di mana pasaran terhadap barang tersebut menguntungkan levi yang tinggi dikenakan. Kalau satu kenderaan barangan yang membawa barang-barang di mana pasarannya agak kurang baik amaun yang rendah dikenakan. Pada fahaman saya, itulah maksud kandungan Fasal 4 di dalam Rang Undang-undang ini. Jadi, atas hakikat itulah maka pada awal-awal lagi tadi saya menyatakan bahawa saya berasa kecewa sedikit di atas cadangan Wakil dari Seremban yang mengesa Kerajaan supaya menarik balik Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan mengenakan levi ke atas semua

kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia mempunyai tujuan-tujuan dan matlamat yang tertentu di mana saya mempunyai fahaman ekoran daripada pengenaan levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia ini akan sedikit sebanyak membantu Kerajaan di dalam perkara-perkara yang berikut:

- (1) dapat mengurangkan kadar bilangan kenderaan barang-barang meninggalkan Malaysia. Kalau kita perhatikan ketika ini, terutamanya di Tambak Johor di dalam satu hari kita dapati beribu-ribu kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia ke Singapura;
- (2) dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas terutamanya di Tambak Johor;
- (3) sebagai langkah untuk membawa aliran (trend) peniaga-peniaga kenderaan barangan supaya menggunakan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang disediakan oleh Kerajaan di dalam negara ini. Dan dalam konteks ini pengkhususan saya buat kepada Pelabuhan Pasir Gudang di Negeri Johor, dan dengan kemudahan-kemudahan yang ada disediakan oleh Kerajaan di Pasir Gudang tersebut maka peniaga-peniaga kenderaan barangan boleh menggunakan kemudahan-kemudahan pelabuhan itu dan dengan itu kesesakan lalu-lintas di Tambak Johor akan dapat dikurangkan; dan
- (4) pengenaan levi ini sedikit sebanyak akan menambahkan hasil pendapatan negara.

Pada keseluruhannya tujuan-tujuan yang telah saya gariskan tadi adalah baik. Jika ada tujuan-tujuan lain dari

Kerajaan pun saya anggap baik kerana Kerajaan tidak pernah melaksanakan sesuatu yang tidak baik untuk negara dan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terdapat Fasal 3 (1) berbunyi:

“3. (1) Tertakluk kepada Akta ini, maka hendaklah dikenakan dan dilevi ke atas setiap kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia suatu levi yang dikenali sebagai levi kenderaan barang-barang.”

Dalam hal ini, penekanan yang akan saya buat kepada rangkai kata: “. . . . ke atas setiap kenderaan barang-barang”.

Tuan Yang Dipertua, kenderaan barang-barang sama ada yang digunakan dalam negara ini mahu pun yang biasa digunakan membawa barang-barang ke Singapura ada berbagai-bagai jenis. Contohnya, ada lori trailer, ada lori tanker, lori barang-barang biasa dengan permit A.B.C., ada lori kecil, van dan sebagainya. Kalau mengikut Rang Undang-undang ini semua jenis kenderaan barang-barang yang disebutkan tadi dikenakan levi di mana amaun yang dicadangkan di dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia 21hb Oktober, 1983 ialah sebanyak \$100.

Di samping terdapat berbagai-bagai jenis kenderaan barangan dari lori-lori besar sampai kepada lori-lori kecil hingga kepada van-van setiap masa dan setiap hari berulang alik dari Malaysia ke Singapura. Kenderaan-kenderaan barangan ini juga membawa berbagai-bagai jenis barang. Ada barang-barang yang dibawa itu mendapat pasaran yang baik dan keuntungan yang tinggi, ada pula jenis barang-barang di mana

pasarannya di Singapura baik tetapi keuntungannya rendah.

Di samping itu pula, ada kenderaan-kenderaan yang berulang alik dari Malaysia ke Singapura ini diusahakan dengan berbagai-bagai bentuk. Ada yang membawa barang-barang kepunyaan sendiri dengan menggunakan kenderaan barangan sendiri, ada yang menggunakan kenderaan barangan sendiri dengan mengambil upah membawa barang-barang orang lain, ada pula menyewa kenderaan orang lain untuk membawa barangan sendiri. Oleh kerana jenis kenderaan barangan yang biasa meninggalkan Malaysia berbagai-bagai jenis dan berbagai-bagai bentuk dan berbagai-bagai corak perniagaannya, maka sukaiah saya menyatakan sokongan saya terhadap Seksyen 3 (2) Rang Undang-undang ini seperti yang telah saya bacakan tadi.

Tuan Yang Dipertua, pengenaan levi sebanyak \$100 kepada tiap-tiap kenderaan barangan yang meninggalkan negara ini dengan tidak mengambil kira bentuk kenderaan, jenis kenderaan dan corak perniagaan adalah sedikit kurang praktikal. Saya berkata demikian kerana seperti apa yang saya katakan tadi hampir kesemua kenderaan barang yang meninggalkan negara ini ke Singapura adalah atas urusan perniagaan. Oleh kerana perniagaan ini dilaksanakan dengan berbagai bentuk dan corak dan perniagaan-perniagaan tersebut ada yang menerima keuntungan yang tinggi, sederhana dan rendah, maka kadar levi kenderaan barangan ini juga hendaklah diperingkat-peringkatkan sesuai dengan hasrat Seksyen 3 (2) dan sesuai dengan hasrat Seksyen 4 Rang Undang-undang seperti yang telah saya bacakan pada peringkat awal tadi.

Tuan Yang Dipertua, di sini sukaiah saya memberikan beberapa contoh dan seterusnya dijadikan cadangan terhadap pemeringkatan pengenaan

levi ke atas kenderaan barang-barang ini:

- (a) Contoh yang pertama, lori kecil termasuk van yang ke Singapura atas urusan perniagaan keropok misalnya dan lain-lain barangan yang seumpamanya, kalau boleh biarlah lori-lori kecil dan van yang berniaga keropok memasarkan keropok buatan mereka sendiri, hasil usaha mereka sendiri yang digolongkan di dalam industri kecil kampung dikecualikan dari dikenakan levi.

Saya mencadangkan mereka yang berniaga keropok ke Singapura, membawa keropok ke Singapura dikecualikan dari dikenakan levi. Ini sesuai dengan Seksyen 4 Rang Undang-undang. Kalau tidak boleh dipercumakan, kenakanlah levi yang paling minima sekali \$5 bagi sebuah kenderaan. Cadangan ini saya kemukakan, kerana perusahaan membuat keropok di dalam negara ini masih di peringkat permulaan dan masih digolongkan di dalam golongan industri kecil kampung. Umurnya kata orang, baru setahun jagung lagi. Lagi pun keuntungan daripada perniagaan keropok ini adalah terlalu kecil dan biasanya mereka yang membawa keropok ini untuk dipasarkan di Singapura adalah hasil dari keropok-keropok yang dikumpulkan dari beberapa orang pengusaha kecil keropok tempatan.

- (b) Saya juga mencadangkan supaya levi sebanyak tidak lebih daripada \$30 dikenakan kepada lori-lori ikan terutamanya lori-lori ikan kepunyaan koperasi-koperasi nelayan yang terdapat di dalam negara ini yang masuk

ke Singapura atas urusan perniagaan ikan.

Saya mencadangkan demikian kerana koperasi nelayan menyediakan perkhidmatan pengangkutan lori untuk memberi kemudahan kepada para nelayan memasarkan hasil tangkapan ikan mereka. Dengan cara ini kegiatan orang tengah dapat dikurangkan. Nelayan secara individu yang ke laut menangkap ikan kadangkala mendapat hasil yang lumayan dan kadangkala tidak berhasil. Ikan-ikan yang ditangkap oleh mereka ini dipasarkan sendiri di pasar-pasar borong dan di pasar-pasar ikan tempatan. Ikan-ikan yang hendak dipasarkan di pasar-pasar borong ini boleh dilaksanakan oleh para nelayan melalui perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh koperasi-koperasi nelayan tempatan.

Jika sekiranya levi sejumlah \$100 ini dikenakan kepada lori-lori ikan milik Persatuan-persatuan Nelayan ini secara langsung ianya bererti mengenakan bayaran kepada para nelayan sekalian, kerana di dalam lori ikan Persatuan Nelayan ini membawa ikan-ikan milik berpuluh-puluh orang nelayan di mana sering diperkatakan bahawa nelayan-nelayan yang ada di dalam negara kita menjalankan kegiatan menangkap ikan ini masih lagi terlalu miskin.

- (c) Saya juga ingin mencadangkan di sini supaya levi kepada pemilik-pemilik lori yang mengambil sewa mengangkut barang orang lain iaitu Permit "A" dikurangkan. Cadangan ini saya buat kerana didapati upah mengangkut barang-barang

orang lain di Malaysia dan dalam konteks ini di Johor ke Singapura tidaklah tinggi sangat. Sebuah lori, misalnya lori trailer membawa kayu begerak (sawn timber) daripada Rompin, Pahang ke Singapura, upah bagi satu trip satu kali perjalanan hanya lebih kurang \$360 sahaja. Wang sejumlah itulah kelak diagih-agihkan kepada pemandu dan kelindan lori, diperuntukkan untuk memperbaiki kerosakan, diperuntukkan untuk insurans dan cukai jalan dan untuk insurans dan cukai jalan dan sebagainya. Kalau dari jumlah upah sebanyak \$360 bagi satu kali perjalanan ini dilevikan sebanyak \$100 maka sudah barang tentu pengusaha-pengusaha lori Permit "A" iaitu lori milik sendiri mengangkut barang orang lain akan menghadapi kerugian yang besar jika perkhidmatan perniagaan pengangkutan mereka dilaksanakan di luar negeri dan dalam konteks ini perbicaraan saya ialah di Singapura.

Sebelum pengusaha-pengusaha lori jenis ini merintih kerugian dan tidak dapat meneruskan urusniaga mereka maka adalah lebih wajar dan lebih baik jika sekiranya Kerajaan menimbangkan pengenaan levi kepada kenderaan-kenderaan jenis ini.

Saya cadangkan levi dikenakan tidak melebihi \$30 juga. Hal ini bersesuaian juga dengan Seksyen 4 Rang Undang-undang yang sedang dibentang dan dibahaskan sekarang.

Tuan Yang Dipertua, contoh jenis-jenis kenderaan yang biasa meninggalkan Malaysia dalam

konteks ini ke Singapura atas urusan perniagaan dan perkhidmatan serta cadangan-cadangan yang saya kemukakan tadi tidak menyeluruh kepada semua jenis kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia. Banyak lagi jenis-jenis kenderaan barang-barang yang menjalankan kegiatan yang hampir-hampir sama dan menghadapi masalah yang sama dengan perkara-perkara yang telah saya kemukakan iaitu perkara (a), (b) dan (c) tadi.

Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya inginlah saya mencadangkan di sini supaya Kerajaan benar-benar teliti di dalam menguatkuasakan Seksyen 3 (2) dan Seksyen 4 Rang Undang-undang ini agar tidak ada nanti pula pihak-pihak yang tertentu terutamanya Pembangkang, khususnya DAP, mengambil kesempatan terhadap isu mengenai levi kenderaan barang-barang ini bagi mewujudkan satu suasana tegang di antara pengusaha-pengusaha kenderaan barang-barang dengan pihak Kerajaan.

Akhir kata, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penganan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.01 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama

membahas Akta Levi Kenderaan Barang-barang, 1983 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Saya suka menyatakan pendapat saya mengenai Akta Levi Kenderaan ini yang kalau diteliti seimbis lalu dan ditatap selayang pandang, saya rasa mempunyai pendapat yang agak sama dengan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang menyatakan bahawa sekiranya Akta ini berjalan kuatkuasanya, maka akan menjejaskan perusahaan pengangkutan dalam negeri ini. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, pendapat saya ini hanya sama dengan pihak Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah tentang penjejasan ini mungkin hanya berlaku dalam tempoh sebulan ataupun tidak lebih daripada 3 bulan sebab sebagai ahli-ahli perniagaan daripada pihak pengusaha-pengusaha pengangkutan, kalau mereka mengalami kerugian dalam usahanya maka mereka akan mencari jalan bagaimana hendak mengatasi kerugiannya itu ataupun kalau kurang keuntungannya mereka daripada hasil berjalannya kuatkuasa Akta Levi Kenderaan Barang-barang ini, maka mereka akan berusaha mempertahankan keuntungan mereka supaya tidak rugi ataupun kurang daripada apa yang mereka biasa terima.

Satu hakikat lagi, Tuan Yang Dipertua, saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan sebelum daripada merangka Belanjawan negara, beliau telah mengikut berita-berita akhbar lebih dahulu menemui pengusaha-pengusaha tempatan mengadakan perbincangan, mengadakan perundingan sebelum digubal ataupun dirangka Belanjawan negara saban tahun. Jadi, atas kepercayaan ini saya rasa dan saya yakin bahawa apa yang telah digubal dalam Akta Levi Kenderaan ini semua aspek-aspek

yang saya sebutkan tadi telah diperhitungkan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Satu perkara, Tuan Yang Dipertua, yang saya hendak sentuh ada rasa kebimbangan kalau-kalau bila berjalannya kuatkuasa Akta Levi Kenderaan Barang-barang ini pada tahun hadapan, maka pihak pengusaha pengangkutan dalam negara kita mengadakan satu pemboikotan perusahaan, ertinya mereka memberhentikan perusahaan pengangkutan barangan-barangan Malaysia ke luar dari Malaysia dan ini akan melumpuhkan kedudukan ekonomi negara kita. Jadi, sebab itu saya rasa adalah menjadi satu kebijaksanaan daripada pihak Kementerian Kewangan sebelum daripada berkuatkuasanya Akta Levi Kenderaan ini pada tahun hadapan masih mempunyai tempoh bagi pihak Kementerian Kewangan mengadakan pertemuan, mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan barangan dalam negara kita untuk mencari titik persetujuan ataupun sekurang-kurangnya dapat memberi fahaman kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan ini bahawa Akta Levi Kenderaan ini bukan merupakan sesuatu pemerasan ataupun hendak menindas pengusaha-pengusaha pengangkutan di dalam negara kita.

Sebagaimana petang kelmarin dan petang ini, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang maksud ataupun motif pihak Kementerian Kewangan mengemukakan Akta Levi Kenderaan ini dengan mengenakan \$100 pada setiap lori barangan yang mengangkut barang-barang kita keluar daripada Malaysia. Memang motif itu mempunyai tujuan yang langsung dan tidak langsung. Dengan secara langsung mendapatkan hasil dan menambahkan hasil negara yang lebih lagi dan secara tidak langsung dapat

memberi galakan ataupun satu cara menyalurkan pengiriman barang-barang kita menerusi pelabuhan dalam negara kita sendiri dan satu lagi juga untuk menggalakkan pertumbuhan kilang-kilang dalam negara kita untuk memproses barang-barang mentah yang biasanya kita hantar ke luar negeri tetapi dengan Akta Levi Kenderaan ini maka kemungkinan barang-barang mentah yang biasa kita hantar ke negeri yang kedua itu dapat diproses oleh kilang-kilang dalam negara kita sendiri ataupun bagi pihak pengusaha-pengusaha atau pemodal-pemodal luar negeri yang selama ini mendapat kiriman barang-barangnya daripada Malaysia akan memindah melaburkan kewangannya dalam negara kita dengan mendirikan kilang-kilang untuk memproses barangan-barangan tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya sebagai Wakil dari Rantau Panjang yang letaknya bersempadan dengan Thailand, kalaulah saudara saya Yang Berhormat dari Johor lebih banyak bercakap berkenaan dengan hal kenderaan yang lalu di Selat Tebrau ke Singapura, maka saya juga ingin hendak menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini barangkali tidak kurang tiap-tiap hari berpuluh-puluh buah lori ataupun kalau tidak kurang ratusan lori yang menyeberangi Jambatan ASEAN kita panggil di Sungai Golok membawa barangan-barangan daripada Malaysia yang berupa kayu-kayu papan yang sudah diproseskan, ertinya sudah dimesin dan dibelah. Saya tidak tahu kenapakah begitu banyak setiap hari papan-papan daripada Malaysia ini dibawa masuk ke Selatan Thailand.

Jadi, dengan penentuan daripada Akta Levi Kenderaan ini, kita akan mendapat hasil yang bertambah lagi yang selama ini papan-papan itu keluar selain daripada cukai papan barangkali cukai kenderaan pun tidak ada, dengan percuma sahaja, dan

sekarang negara kita akan mendapat hasil yang bertambah.

Saya hendak menyentuh satu lagi, Tuan Yang Dipertua, kerana dalam Akta ini tidak disebut bagaimana barangan-barangan Malaysia ini yang hendak dikirim keluar daripada Malaysia menerusi keretapi, oleh sebab disebut di sini walaupun pengangkutan itu umum, tetapi belum ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menyatakan kadar \$100 tiap-tiap satu kenderaan itu bererti barangkali, lori, van ataupun apa, itu barangkali Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang tahu, tetapi menerusi keretapi tidak disebut.

Mungkin barangkali pihak Kementerian Kewangan akan menentukan kadarnya, berapa hendak dikenakan cukai ataupun bayaran bagi barangan Malaysia yang dikirim menerusi keretapi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat, saya rasa di bawah Fasal 2 ada penjelasannya.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Barangkali saya miss membaca. Kalau demikian ada satu masalah lagi yang harus saya meminta pertimbangan dari pihak Yang Berhormat ataupun daripada pihak Kementerian Kewangan yang walaupun tidak ada kena-mengena dengan kawasan saya tetapi dengan pengalaman yang saya tahu ialah tentang kedudukan lori-lori ataupun barangan Malaysia yang pergi ke Brunei, daripada Sarawak pergi ke Brunei menghantar barang-barang Malaysia. Jadi, saya minta pihak Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan, sebab satu daripada cara untuk mengadakan hubungan kita yang baik dan pihak Kerajaan Brunei yang akan mencapai kemerdekaannya pada tahun depan maka perhubungan ataupun perdagangan di antara negara jiran kita itu dapat dipertimbangkan oleh

pihak Kementerian Kewangan terutama mengenai pelaksanaan Akta Levi Kenderaan yang kita sedang bahas dalam Dewan yang mulia ini.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, saya melihat kepada Fasal 5 tentang kesalahan. Saya nampak dalam Akta ini denda yang dikenakan hanya sebanyak \$1,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 3 bulan atau kedua-duanya. Bagi saya ini agak rendah. Kalau kita hendak jalankan kuatkuasa kita dan hendak menjayakan Akta ini dengan sebaik-baiknya, maka satu hukuman yang agak lebih sedikit patut dikenakan.

Begitu juga dalam Fasal 9 (2) dendanya tidak lebih daripada \$200 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 6 minggu atau kedua-duanya. Pun juga pada saya rendah. Bukan bererti dengan kita memberatkan denda ini, kita hendak melakukan penganiayaan kepada pengusaha-pengusaha kenderaan pengangkutan dalam negara kita, tetapi supaya undang-undang kita ini dihormati, tidak dilanggar secara leluasa oleh pihak kalangan tertentu. Maka saya harap dan saya memberi pandangan saya supaya hukuman ini ditinjau kembali.

Dan mengenai Fasal 7 (ii) tentang perlantikan oleh Ketua Pengarah; Pegawai-pegawai Penguatkuasa bagi memastikan pematuhan yang wajar mengenai peruntukan Akta ini. Maka saya harap pihak Kementerian Kewangan memberi perhatian yang teliti sewaktu melantik Pegawai-pegawai Penguatkuasa ini. Sebab di sinilah punca yang berlakunya amalan rasuah yang kalau kita tidak memberi perhatian yang berat sebagaimana sifat manusia biasa maka akan berlakulah amalan rasuah secara berleluasa. Dan bila berlaku amalan rasuah secara berleluasa ini biasanya pegawai yang menjalankan kerja itulah yang sentiasa menjadi tempat

tuduhan sedangkan penyeliaan, pengawasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan tidak begitu kemas dan teliti.

Itulah, Tuan Yang Dipertua, pandangan daripada saya dan walau bagaimanapun, saya adalah menyokong Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Kluang.

4.16 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Kluang):
Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahas Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi ke atas semua kenderaan barang-barang termasuk kenderaan asing yang meninggalkan negara ini, tiap-tiap satu kenderaan bagi tiap-tiap kali ianya meninggalkan negara ini.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat lebih kurang 2,500 kenderaan berat meninggalkan negara ini ke negeri Singapura tiap-tiap hari melalui Johor Bahru. Nampaknya bilangan yang besar ini akan membawa pendapatan kepada negara ini yang besar apabila pembayaran berkuatkuasa pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang Dipertua, jika tujuan Kerajaan mencadangkan pembayaran ini adalah menambahkan penghasilan negara kita maka Kerajaan mesti mengambil perhatian kerana pembayaran ini akan membawa kesusahan kepada rakyat kita khasnya yang terlibat dalam pengangkutan barang-barang atau perniagaan eksport barang-barang keluar negara ini melalui Singapura. Pembayaran ini akan melibatkan kenaikan harga barang-barang eksport negara kita. Ini akan mengakibatkan kerugian dalam penjualan barang-barang eksport negara kita dalam pasaran dunia yang competitive ini.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga walaupun lebih kurang 2,500 kenderaan meninggalkan negara ini ke Singapura tiap-tiap hari sebahagiannya adalah kenderaan-kenderaan dari Johor Bahru yang membawa pasir dan batu ke Singapura. Mereka meninggalkan negara ini ke Singapura dua atau tiga kali tiap-tiap hari dan dikehendaki membayar \$100 sekali. Harga barang-barang seperti pasir dan batu tidaklah bernilai tinggi dan dengan pembayaran ini maka harga jualan akan naik. Rakyat terutamanya penduduk-penduduk Johor Bahru disusahkan.

Tuan Yang Dipertua, jika tujuan Kerajaan mengemukakan Akta ini adalah menggalakkan kegunaan KTM dan port-port negara kita, saya ingin tahu bahawa adakah kemudahan-kemudahan port-port kita mencukupi untuk mengambil pertambahan isi padu barang-barang eksport yang dikehendaki dieksport keluar negara ini. Di sini saya fikir Kerajaan mesti menentukan bahawa kemudahan-kemudahan port-port yang sedia ada di negara kita diperbaiki lagi untuk kegunaan sebelum menguatkuasakan Akta ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam Akta ini menyatakan Menteri boleh melalui perintah mengecualikan seluruh atau sebahagiannya dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana difikirkan patut dikenakan mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang.

Di sini saya ingin mendapat penerangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah syarat-syarat atau kelas-kelas kenderaan barang-barang yang boleh dikecualikan dari pembayaran levi ini, begitu juga bagaimanakah mereka boleh membuat permohonan pengecualian pembayaran levi ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan atas cadangan Akta ini, tetapi saya harap Kerajaan akan membuat kajian yang teliti mengenai akibat-akibatnya ke atas rakyat kita serta perniagaan-perniagaan eksport negara kita apabila Akta ini dikuatkuasakan. Saya fikir Kerajaan boleh tangguhkan tarikh kuatkuasa Akta ini enam bulan untuk membuat kajian.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong cadangan Akta ini dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya membahas Akta ini pada petang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.22 ptg.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan cukai levi kenderaan barang-barang 1983 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, setelah meneliti dan mengkaji dengan sedalam-dalamnya dari beberapa sudut, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 ini.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun saya juga bersetuju dengan pendapat mengatakan sedikit sebanyak, ada pihak-pihak yang terpaksa menanggung risiko akibat dari Akta ini, maka ini adalah satu lumrah alam kerana tidak ada sesuatu kemajuan yang dapat kita rancang dan kita capai kiranya kita takut untuk memberikan sedikit sebanyak pengorbanan. Sebab itulah pepatah Melayu ada mengatakan, "Kalau tidak dipecahkan ruyung, di manakan dapat sagunya."

Tuan Yang Dipertua, saya juga turut merasa kesal atas pandangan yang dibuat atau cadangan yang dibuat oleh wakil dari Seremban supaya Kerajaan menarik balik Akta ini. Saya berpendapat bahawa pandangan ini bukanlah terbit daripada fikiran yang rasional, tetapi adalah semata-mata untuk mendapatkan pengaruh atau keuntungan politik dengan cara publisiti yang murah kerana sebagai seorang rakyat yang benar-benar taat setia dan bertanggungjawab kepada negara dan bangsanya, kita mestilah bersedia meletakkan kepentingan negara di atas lain-lain kepentingan. Wakil dari Seremban itu tentu sedar bahawa dengan adanya Akta ini Kerajaan akan dapat sedikit sebanyak menambahkan sumber pendapatan negara bagi kepentingan untuk Belanja Mengurus atau dengan lain-lain perkataan memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat dan negara. Oleh yang demikian, dengan apa carakah Kerajaan boleh mendapatkan sumber-sumber wang kalau tidak mengenakan cukai di sana-sini bagi memperoleh sumber yang tersebut.

Kita hairan dengan pendapat pihak Pembangkang kalau sekiranya Kerajaan tidak dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat di negara ini, maka Kerajaan jugalah menjadi sasaran oleh pihak Pembangkang dan apabila kita berusaha untuk mendapatkan sedikit sebanyak sumber wang bagi mempertingkatkan daya pengeluaran dan kualiti pentadbiran dan perkhidmatan, kita juga ditentang oleh pihak pembangkang. Apakah mereka berpendapat pegawai-pegawai kita yang bertugas itu boleh menggunakan jentera keretanya, menukarkan petrol dengan air sejuk ataupun sanggup mengikat perut apakala lapar? Inilah yang menghairankan kita.

Di samping itu adakah wakil dari Seremban itu tidak melihat bahawa

ada orang-orang lain pada tiap-tiap saat, tiap-tiap hari, bukan tiap-tiap hari, pada tiap-tiap saat telah mengaut keuntungan menerusi negara kita. Misalnya kenderaan-kenderaan yang datang dari Singapura terus ke Thailand membawa barang-barangan untuk dijual dan begitu juga daripada Thailand ke Singapura. Mereka ini telah dapat menikmati kemudahan asas atau infrastruktur yang dibina oleh Kerajaan kita, seperti jalan, pengguna telefon dan lain-lain kemudahan lebih-lebih lagi dapat bergerak di dalam suasana negara yang aman, yang menjadi satu punca utama untuk membolehkan peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha membuat kekayaan.

Kalau negara kita tidak aman, apakah yang boleh didapati oleh pengusaha-pengusaha ini? Sedarkah Ahli Yang Berhormat itu bagaimana Kerajaan untuk mendapatkan dan mengujudkan keamanan? Sudah tentulah kita terpaksa mengadakan Pasukan-pasukan Keselamatan Pertahanan yang menggunakan belanja yang besar bagi menjamin dan mewujudkan keamanan di dalam negeri untuk membolehkan setiap pengusaha mencari penghidupan dan kekayaan di dalam negara kita. Jadi mereka ini telah membuat kekayaan atau mengaut kekayaan menerusi negara kita. Apakah tidak adil dengan adanya Akta ini kita meminta supaya mereka ini membuat sumbangan sedikit sebanyak hasil dari kekayaan yang diperolehi itu bagi membantu kita dan untuk menjamin perniagaan dan perusahaan mereka akan terus berjalan dalam suasana yang baik, aman dan sempurna.

Cadangan supaya ditarik balik Akta ini adalah bertepatan dengan kata pepatah Melayu, "Anak di pangku dilepaskan, kera di hutan disusui". Inilah manusianya yang lebih mementingkan orang lain daripada kepentingan negara dan bangsanya

sendiri. Sebab itu saya katakan bahawa beliau berharap dengan cadangan supaya menarik balik Akta ini akan mendapat keuntungan politik, tetapi rakyat di Malaysia tidak seperti yang disangkakan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya bersetuju bahawa dengan adanya Akta ini secara tidak langsung akan dapat membantu dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan pengangkutan di dalam negara kita, di samping menggalakkan pertumbuhan pasaran tempatan secara lebih berkesan. Saya juga bersetuju dengan pendapat mengatakan bahawa dengan adanya Akta ini akan dapat memesatkan lagi perdagangan di pelabuhan tempatan di seluruh negara, tetapi Kerajaan perlulah mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengadakan kemudahan-kemudahan yang perlu ataupun keperluan asas di pelabuhan-pelabuhan di negara kita ini.

Usaha-usaha untuk melengkapkan segala kemudahan asas yang diperlukan di pelabuhan-pelabuhan utama di negara ini adalah dialu-alukan, seperti Pelabuhan Pasir Gudang di Negeri Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang di Selangor dan sebagainya. Jadi dengan adanya kemudahan-kemudahan di pelabuhan-pelabuhan ini, maka barangan-barangan kita akan dapat disalurkan ke luar negeri menerusi pelabuhan-pelabuhan yang saya maksudkan itu. Jadi ini adalah satu usaha ke arah mempertingkatkan lagi daya pertumbuhan ekonomi di dalam negara kita sendiri.

Saya berpendapat dan saya berkeyakinan jika usaha-usaha ini dapat diteruskan, maka banyak masalah kebimbangan yang disebutkan oleh setengah-setengah pihak itu akan dapat diatasi dengan sempurna.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang suka saya sentuh berkenaan

dengan Akta ini berhubung dengan Fasal 8 (1) dan (2). Saya berpendapat sepertimana yang tercatat di dalam Akta Levi ini dalam Fasal 8 (1):

“Tiap-tiap pegawai apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah, jika tidak beruniform apabila diminta mengumumkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu, apa-apa dokumen membuktikan pengenalannya, sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dibawa bersama oleh pegawai itu”.

Apa mustahaknya seorang pegawai itu sesudah dicabar baru hendak menunjukkan atau mengumumkan atau membuktikan dia sebagai seorang pegawai, dalam ayat “apabila diminta”. Saya rasa ayat “apabila diminta” itu patutlah dibuang, digantikan terus “hendaklah mengumumkan jawatan”, bila tahan terus cerita. Ini bukanlah satu amalan yang ganjil. Pernah dibuat oleh lain-lain pegawai, umpamanya dia datang menemui sasarannya sambil menyatakan “saya ini Pegawai Polis; saya ini Pegawai BPR”. Tujuannya supaya tidak dapat orang-orang lain mengambil kesempatan berlagak atau menyamar diri sebagai Pegawai-pegawai Penguatkuasa.

Pada hari ini berbagai-bagai tipu muslihat telah berlaku di dalam masyarakat kita, jangankan yang tidak ada uniform, ada orang yang sudah berlagak sebagai Pegawai Polis atau Inspektor Polis, dia tempah pangkat-pangkatnya, sudah ada, inikan pula tidak ada uniform. Mengapa mesti orang hendak bertanya dahulu baru hendak diperkenalkan diri, saya rasa tidak payah, terus katakan “Saya Pegawai Penguatkuasa”, terus cakap, tak payah orang tanya-tanya.

Kalau 8 (1), buang perkataan “apabila diminta”, digantikan dengan

“hendaklah”. Maka Fasal (2) itu terus dibuang, tak payah pakai. Umpama dia kata:

“Maka tidaklah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pegawai yang bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini, jika pegawai itu tidak beruniform dan enggan mengumumkan jawatannya dan mengemukakan dokumen kenal dirinya apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu”.

Ini pun boleh menimbulkan kesamaran.

Barangkali pihak orang ramai boleh menafikan, mengatakan: Saya tidak mahu menunjukkan dokumen yang dikehendaknya dengan sebab, katanya, pegawai itu tak kenalkan diri, maka dia dianggap tidak bersalah. Kalaupun dia boleh menang, dia boleh pergi Court ulangbicara. Buat apa kita buat susah undang-undang macam ini, tetapi saya bukan seorang lawyer. Saya amat sukacita untuk mendapat penjelasan mengapa perkara (2) ini dimasukkan, pada hal ini boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah di antara pegawai dengan orang ramai.

Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Akta Levi Pengangkutan (Pindaan) 1983.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, sebelum saya memberi sebarang ulasan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit

dengan Rang Undang-undang ini, sukalah saya terlebih dahulu menyatakan bahawa levi yang dicadangkan ini hanya akan melibatkan kenderaan-kenderaan barangan sahaja, ertinya tidak termasuk kenderaan-kenderaan penumpang.

Tuan Yang Dipertua, saya amat berterima kasih kepada semua Ahli-ahli yang telah memberi pandangan mereka sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang, 1983 yang bertujuan untuk mengenakan bayaran levi sebanyak \$100 bagi tiap-tiap kenderaan barang yang keluar dari Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan bercadang melaksanakan levi ini mulai awal tahun hadapan dan untuk tujuan ini persiapan-persiapan telah dan sedang pun dibuat untuk menetapkan peraturan-peraturan dan cara-cara mengutip levi ini supaya ianya berjalan dengan baik dan lancar.

Tuan Yang Dipertua, satu daripada tujuan levi ini ialah untuk menambahkan hasil Kerajaan. Berdasarkan kepada anggaran bahawa ada lebih kurang 1,300 buah kenderaan barang-barang dan tidak 2,500 seperti yang dianggarkan oleh Ahli dari Kluang tadi, kita cuma menganggarkan 1,300 buah kenderaan barang-barang sahaja yang keluar dari Malaysia pada tiap-tiap hari, maka pengenaan levi sebanyak \$100 ini akan memberi hasil sebanyak \$40 juta setahun.

Dalam membahaskan perkara ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Seremban mengatakan bahawa levi \$100 ini akan membebaskan industri pengangkutan. Saya tidak bersetuju dengan pandangan ini kerana levi ini tidaklah begitu tinggi dan sekiranya lori itu berisi penuh, kos levi ini sebanyak

\$100 sebagai peratusan nilai barang-barang yang diangkut adalah sangat kecil. Dan bagi lori-lori yang besar yang mengangkut barang-barang bernilai beribu-ribu ringgit levi \$100 ini sudah tentulah tidak menjadi satu beban yang ketara.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah mengatakan bahawa levi ini tidak sesuai kerana ianya bertentangan dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan eksport. Saya tidak hairanlah sebab beliau seorang doktor, bukan seorang ekonomis kerana kalau kita fikirkan dari segi Kerajaan, tujuan kedua levi ini ialah untuk menggalakkan lebih banyak lagi eksport-eksport negara kita yakni eksport-eksport negara yang disalurkan melalui pelabuhan-pelabuhan kita sendiri; bukan setakat membanyakkan pengeksportan tetapi pengeksportan melalui pelabuhan kita sendiri.

Saya berterima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah juga menyebut perkara yang sama di dalam membincangkan Rang Undang-undang ini dan kita berharap dengan adanya levi ini pengeksport-pengeksport Malaysia akan lebih banyak menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita sendiri bagi menguruskan pengeksportan barang-barang mereka keluar negeri. Sekiranya penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita meningkat yakni lebih banyak lagi barang-barang yang dieksport ini dieksportkan melalui pelabuhan kita sendiri, kita percaya bahawa pelabuhan-pelabuhan kita akan berpeluang untuk berkembang maju dan ini sudah tentu menguntungkan negara dan yang lebih nyata lagi pengimport-pengimport yang memesan barangan Malaysia melalui pelabuhan negara kita sendiri akan sedikit sebanyak mendapati harga barangan itu lebih rendah daripada sekiranya pengimport ataupun memesan barang-barang itu

melalui pelabuhan-pelabuhan asing, pelabuhan-pelabuhan yang bukan terdapat di dalam Malaysia, oleh sebab barang-barang itu apabila diangkut dengan lori terpaksa dikenakan levi sehingga \$100 bagi tiap-tiap lori ataupun tiap-tiap kenderaan barang.

Tuan Yang Dipertua, kenderaan-kenderaan barang yang masuk dari luar negeri tidak akan dikenakan levi sama ada kenderaan itu kenderaan barang Malaysia ataupun kenderaan barang yang dipunyai oleh negara asing. Tetapi lori yang sama, sama ada lori kita sendiri atau lori dipunyai oleh negara asing hanya akan dikenakan levi sewaktu keluar, ertinya kalau lori dari Singapura datang kosong ataupun dengan barang ianya tidak dikenakan levi tetapi apabila dia balik ke Singapura sama ada kosong ataupun penuh dengan barang atau separuh, ianya akan dikenakan levi ini. Jadi pengenaan levi tidak tertakluk kepada ataupun berdasarkan kepada yang empunya lori tetapi, berdasarkan jenis kenderaan, iaitu kenderaan yang termasuk yang ditakrifkan sebagai kenderaan barang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thai telah mengikat satu perjanjian mengenai lori-lori Thai yang masuk ke Malaysia untuk perjalanan terus ke Singapura, lori-lori berkenaan, lori-lori yang terus ke Singapura, tidak berhenti untuk meletakkan barang atau memunggah barang dari Malaysia akan dikecualikan daripada levi ini apabila keluar daripada Malaysia. Lori-lori Thai yang berulang alik dari Thailand ke Malaysia seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang tadi tidak termasuk dalam kategori ini. Ertinya mereka akan dikenakan levi.

Tuan Yang Dipertua, dalam melaksanakan levi ini juga Kerajaan akan menentukan iaitu sistem pentadbiran yang dikelolakan nanti

oleh pihak Kastam akan dijalankan dengan licin, selicin-licin yang boleh dan sempurna supaya ianya tidak mengganggu pergerakan kenderaan-kenderaan berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, pada hari ini pula ada beberapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mereka dan saya akan cuba juga memberi ulasan di mana yang saya berupaya.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk dari Labis dan Tenggaroh yang mencadangkan supaya levi ini dikenakan mengikut jenis barang yang dibawa ataupun lesen kenderaan sama ada ianya kelas A, kelas B atau kelas C; sama ada disewa ataupun dipinjam, supaya levi ini dikenakan berbeza-beza dari satu sama lain.

Tuan Yang Dipertua, cadangan ini memangnya baik dan akan dikaji, walau bagaimanapun agak sukar jugalah bagi Kerajaan untuk memastikan supaya levi yang berbeza-beza dikenakan berdasarkan kepada kelas lesen lori. Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga mengatakan iaitu sesebuah kenderaan barang ataupun lori trailer yang membawa kayu gergaji dari Mersing ke Singapura mengenakan sewa sebanyak \$305 dan kalau sekiranya dikenakan levi \$100 apalah hendak tinggal pada yang menjalankan lori ini. Tuan Yang Dipertua, ini memanglah satu perkara yang patut dipertimbangkan tetapi walaupun pembayarannya dibuat oleh driver itu sendiri tetapi levi sebanyak \$100 itu boleh dikenakan kepada tuannya barang dan bukan orang yang menyewa lori berkenaan.

Kemudian pula Ahli Yang Berhormat dari Labis menyebut tentang barang-barang yang dikeluarkan oleh petani-petani kecil seperti sayur-sayuran, ada juga mengatakan penangkap ikan dan

sebagainya harus dikecualikan ataupun keropok seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaruh tadi. Memanglah sebaik-baiknya kita boleh juga hendak mengurangkan ini tetapi berdasarkan barang yang dikeluarkan agak sukar kita hendak memastikan, tidak ditanda pada ikan itu sama ada ikan itu ditangkap oleh penangkap ikan kecil ataupun penangkap ikan secara besar-besaran.

Pada keropok juga misalannya tidak ditanda sama ada dibuat oleh orang miskin atau orang kaya. Pada sayur-sayuran juga tidak dapat kita fahami dan tidak dapat kita pertikan sama ada datangnya dari penanam secara kecil-kecilan ataupun penanam secara besar-besaran. Jadi sukar sekali imbas kita hendak bahagi-bahagikan mengikut kaedah ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, kita akan mengkaji lagi kerana levi ini belum lagi dikenakan. Kita hanya akan mengenakannya pada awal tahun hadapan dan sememangnya lah perkara-perkara yang baharu ada sahaja yang sangkut-sangkut sedikit-sedikit seperti apa jugalah yang baharu tidak dapat hendak dihabiskan semua, hendak kirakan semua takut barangkali ada perkara-perkara yang harus dikaji dengan lebih teliti, walau bagaimanapun, kita akan berbuat demikian.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada apa yang saya katakan tadi di dalam kita membuat kajian mengenai levi yang dikenakan walaupun pada permulaannya kita bercadang untuk mengenakan \$100 bagi tiap-tiap kenderaan barang tanpa mengira jenis, tanpa mengira muatan, tanpa mengira saiznya, tetapi itulah terdapat dalam Fasal 4 yang membolehkan Yang Berhormat Menteri membuat perintah pengecualian sebahagian ataupun separuh, blah-blah seperti dalam Fasal 4 itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Apa dia blah-blah itu Ahli Yang Berhormat? (*Ketawa*).

Dato' Sabbaruddin bin Chik: Ertinya, Tuan Yang Dipertua, kalau saya baca mengambil masa, tetapi boleh dibaca jugalah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Seterusnya.

Dato' Sabbaruddin Chik: Seterusnya, terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Mengecualikan seluruh atau sebahagian dan seterusnya.

Tuan Yang Dipertua, ada lagi satu perkara dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang tadi yakni berkenaan dengan lori dari Brunei ke bahagian Malaysia di Sarawak. Pada permulaannya setidak-tidaknya lori-lori barang-barang ataupun kenderaan-kenderaan barang ini tidak akan dikenakan levi sama ada masuk atau keluar daripada Malaysia ke Brunei.

Kemudian pula Yang Berhormat berkenaan juga menyentuh tentang denda yang tercatat dalam Fasal 5 dan Fasal 9 (2) yang agak rendah dan tidak mencukupi pada pandangan beliau.

Perkara seperti ini juga kalau sekiranya sesuai boleh kita pertimbangkan dari masa ke semasa. Tetapi buat permulaannya kita memikirkan bawasa Fasal ini telah memberi dendaan yang cukup untuk mengelakkan ataupun tidak menggalakkan operator-operator lori membuat kesalahan yang menentang Undang-undang seperti yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam membincangkan perkara ini telah juga mempersoalkan sama ada kemudahan-kemudahan di pelabuhan-pelabuhan yang kita ada berupaya ataupun sebaliknya mengendalikan barang-barang eksport

melalui pelabuhan-pelabuhan negara kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya sendiri berpendapat bahawa kalau sekiranya dengan dikenakan levi ini dengan diluluskan Rang Undang-undang ini semua lori-lori berhenti terus tidak membawa sedikit pun barang-barang ke Singapura untuk dieksporth melalui Singapura, itu pun kita boleh kendalikan tetapi barangkali memakan masa sedikitlah di dalam mengendalikan pengeksporthan barang-barang ini.

Dalam pada itu kita percaya tujuan kita mengadakan levi ini ialah untuk pada mulanya selain daripada mendapatkan hasil Kerajaan ialah mengurangkan barang-barang ini dieksporth melalui Singapura, bukannya menahan serta-merta tetapi mengurangkan dan barangkali akhirnya baharulah berhenti dan dengan masa yang ada pada kita dapat juga peruntukan-peruntukan yang telah kita sediakan di bawah kepala-kepala tertentu untuk membangunkan lagi pelabuhan ataupun menyediakan kemudahan-kemudahan di pelabuhan Pasir Gudang ini, kita percaya ianya akan membesar terutama sekali kalau sekiranya cukup barang-barang yang hendak dikendalikan dan dieksporth melalui pelabuhan ini.

Kita juga harus sedar bahawa tidak ada pelabuhan yang boleh didirikan dalam masa sehari dua, tetapi memakan masa dan kita percaya satu hari nanti juga akan membesar demi kebaikan negara dan kebaikan pengeksporth-pengeksporth barang-barang negara kita.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat, kalau tak silap ingatan saya, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, berkenaan dengan Fasal 8 (2).

“8 (2) Maka tidaklah menjadi salah satu kesalahan bagi mana-mana

orang yang enggan mengetahui apa-apa”

Ini ialah untuk

Datuk Haji Saidin bin Haji Mat Piah. (*Bangun*).

Tuan Shamsuri Md. Salleh: Ya, apa Ahli Yang Berhormat berkehendakkan?

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Adakah sama dengan yang saya bangkitkan Fasal 8 (2)?

Datuk Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga membangkitkan perkara ini tetapi dari segi lain, Ahli dari Pasir Putih membangkitkan ini dari segi lain pula.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Sila teruskan.

Datuk Sabbaruddin Chik: Ahli dari Pasir Putih semalam mengatakan beliau meminta diterangkan mengapa diadakan Fasal 8 (2), ertinya tiap-tiap kali seseorang itu bertugas hendaklah sentiasa membawa kad, sentiasa membawa “Authority Card”

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Kad Kuasa.

Datuk Sabbaruddin bin Chik: Kad Kuasa sewaktu dia menjalankan tugas, kalau dia terlupa bagaimana misalnya, adakah dia boleh atau tidak menjalankan tugasnya? Jadi kalau ada Fasal ini, kalau terlupa sahaja dia bawa Kad Kuasa, dia tidak boleh menjalankan tugasnya. Sebenarnya kita mengadakan Rang Undang-undang ini supaya tidak disalahgunakan oleh orang-orang yang tidak ada hak, ertinya mereka yang cuba hendak menyamar sebagai Pegawai, maka itulah sebabnya diadakan Kad Kuasa. Kalau tidak ada Kad Kuasa, memakai uniform dan sebagainya.

Fasal 8 (2) juga apabila dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, beliau mencadangkan supaya dibuangkan terus 8 (2) ini tetapi beliau mengubah pula 8 (1), katanya dengan adanya 8 (1) seperti yang diubah, tidak perlu 8 (2) iaitu mengapa mesti minta dahulu sebelum dikemukakan Kad Kuasa. Tuan Yang Dipertua, mengikut fahaman yang saya telah diberitahu, levi-levi ini akan dikutip di pos-pos tertentu, samalah lebih kurang dengan kutipan yang dibuat terhadap tol-tol jalan, ertinya ada mesin-mesin tertentu dan sebagainya. Jadi tidak dibuat di merata-rata tempat. Jadi kalau sekiranya seseorang pegawai itu dekat hendak mengutip tunjuk Kad Kuasa, taruh dalam poket, datang satu lori lagi, tunjuk Kad Kuasa lagi dan beri levi. Jadi ini barangkali payah sedikit, tetapi kita harap kalau sekiranya ada tempat-tempat yang tertentu dan sekiranya seseorang derebar lori itu was-was bahawa yang mengutip levi itu menyamar, maka itulah sebabnya salah bagi pegawai yang mengutip itu tidak mengeluarkan Kad Kuasanya apabila diminta oleh mereka yang akan dikenakan levi.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja yang dapat saya perkatakan, barangkali ada satu dua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya terangkan secara jelas. Saya berharap janganlah mereka sudah hati dan bimbang kerana semuanya telah dicatatkan belaka apa yang telah disebutkan dan setiap perkara yang disebutkan itu akan dikaji dan sekiranya sesuai, sekiranya berpatutan cadangan-cadangan itu sudah tentu akan diterima. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya

ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (*mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera, 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1983 ini adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 24, 25, 188 dan memasukkan satu seksyen baru, iaitu Seksyen 189A dalam Akta Angkatan Tentera, 1972. Dengan pindaan kepada Seksyen 24 dan 25 ini, anggota lain-lain pangkat boleh dikehendaki berkhidmat dalam

Perkhidmatan Simpanan untuk tempoh yang lebih lama, iaitu selama 5 tahun, tanpa mengira tempoh perkhidmatan sepenuh masa mereka dalam angkatan tentera atau sehingga mereka meningkat umur 50 tahun mengikut mana yang lebih awal.

Pindaan kepada Seksyen 188 pula akan membolehkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang tamat perkhidmatan dimasukkan ke dalam kategori simpanan tanpa mengambil kira sebab-sebab persaraan perberhentian atau perletakan jawatan mereka.

Tuan Yang Dipertua, di bawah undang-undang sekarang, iaitu Akta Angkatan Tentera Tahun 1972, terdapat peruntukan bagi menubuhkan simpanan angkatan tetap yang terdiri daripada simpanan anggota-anggota lain pangkat dan simpanan pegawai-pegawai. Penubuhan simpanan anggota-anggota lain pangkat adalah dibuat di bawah peruntukan Seksyen 24 Akta Angkatan Tentera Tahun 1972. Di bawah peruntukan Seksyen tersebut bekas anggota lain-lain pangkat yang telah menamatkan perkhidmatan sepenuh masa selama 10 tahun adalah diwajibkan berkhidmat dalam perkhidmatan simpanan selama dua tahun. Bekas anggota lain-lain pangkat yang berkhidmat sepenuh masa dalam Angkatan Tentera lebih daripada 12 tahun adalah tidak dikenakan syarat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan simpanan. Bagi menubuhkan simpanan pegawai-pegawai pula, perbekalan yang berkenaan ialah Seksyen 188 Akta Angkatan Tentera Tahun 1972. Di bawah peruntukan tersebut bekas pegawai-pegawai yang bersara atas permintaan mereka sendiri, atau yang dibersarakan secara paksa sama ada disebabkan oleh tiada pekerjaan yang sesuai atau oleh sebab mereka telah mencapai umur boleh bersara yang biasa bagi pangkatnya, atau

diberhentikan kerana telah menamatkan tempoh perkhidmatan jangka pendek, boleh dikehendaki berkhidmat dalam simpanan pegawai selama tempoh tidak melebihi lima tahun selepas persaraan ataupun perberhentian dari Angkatan Tentera.

Penubuhan simpanan pegawai buat masa ini belum lagi dilaksanakan kerana perbekalan seksyen yang sama yang memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan untuk menetapkan tarikh pelaksanaannya belum dikuatkuasakan. Tuan Yang Dipertua, konsep Pasukan Simpanan adalah untuk:

- (1) membantu Angkatan Tetap dan seterusnya meningkatkan paras kekuatan anggota tentera untuk pertahanan negara, dan
- (2) sentiasa bersedia untuk berkhidmat dalam masa kecemasan.

Berdasarkan kepada konsep di atas, Pasukan Simpanan adalah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan-keperluan seperti berikut:

- (1) mengadakan paras kekuatan tambahan apabila perlu.
- (2) menyediakan tenaga pengganti kepada perajurit-perajurit yang gugur dalam peperangan, dan
- (3) menjalankan tugas-tugas yang biasanya dijalankan oleh Pasukan Tetap.

Negara kita tidak mampu menyediakan satu Angkatan Tetap yang terlalu besar kerana pembiayaannya akan membebankan ekonomi negara. Oleh itu, adalah lebih praktikal, jimat dan berkesan bagi Kerajaan mengadakan Pasukan-pasukan Simpanan Angkatan Tetap di samping Pasukan-pasukan Sukarela yang boleh dikerahkan untuk membantu Angkatan Tetap apabila didapati perlu. Umpamanya, pada

masa peperangan ataupun darurat, sumber penting untuk mendapatkan anggota simpanan ini ialah dari kalangan bekas anggota-anggota dan pegawai-pegawai tentera sendiri.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini termaklum, bekas pegawai Angkatan Tentera mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ketenteraan. Semasa dalam perkhidmatan mereka menerima berbagai latihan di dalam dan luar negeri dalam berbagai bidang. Mereka ini apabila menjadi pegawai-pegawai simpanan akan merupakan sumber pemimpin-pemimpin peringkat pertengahan yang tidak dapat diperolehi melalui cara pengambilan biasa dalam masa peperangan ataupun darurat. Untuk menentukan bahawa ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka boleh digunakan apabila diperlukan maka adalah wajar diadakan syarat perkhidmatan simpanan wajib apabila mereka bersara. Dengan ini mereka boleh dikerah semula dalam masa peperangan ataupun darurat.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah saya jelaskan tadi di bawah perbekalan Seksyen 24 Akta Angkatan Tentera Tahun 1972, bekas anggota lain-lain pangkat yang telah berkhidmat sepenuh masa lebih dari 12 tahun dalam Angkatan Tentera adalah tidak dikenakan syarat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan simpanan. Dengan berkurangnya bilangan anggota-anggota lain pangkat yang layak dalam Pasukan Simpanan disebabkan kebanyakan mereka terus berkhidmat melalui tempoh yang minima, maka bilangan anggota simpanan menjadi semakin berkurangan. Justeru itu, untuk menambah bilangan simpanan anggota-anggota lain pangkat maka adalah dicadangkan semua anggota-anggota lain pangkat patut dikenakan berkhidmat dalam perkhidmatan simpanan untuk tempoh yang lebih

lama, iaitu tidak lebih daripada lima tahun, tanpa mengira tempoh perkhidmatan sepenuh masa mereka, atau sehingga mereka meningkat umur 50 tahun mengikut mana yang lebih awal. Bagi tujuan ini, maka dicadangkan Seksyen 24 dan Seksyen 25 Akta Angkatan Tentera Tahun 1972 dipinda sewajarnya. Cadangan pindaan yang tersebut di atas hanya akan dilaksanakan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Y.A.B. Menteri Pertahanan apabila keadaan didapati sesuai dan memerlukan. Dalam hubungan ini satu peruntukan bagi menepati hasrat ini telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan untuk melaksanakan peruntukan tersebut pada bila-bila masa yang akan ditentukan.

Tuan Yang Dipertua, atas sebab-sebab yang telah dijelaskan tadi dan untuk membolehkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang tamat berkhidmat dimasukkan dalam kategori simpanan. Adalah dicadangkan Seksyen 188 Akta Angkatan Tentera Tahun 1972 dipinda sewajarnya. Mengikut peruntukan di bawah Seksyen 188 yang berkuatkuasa sekarang, pegawai-pegawai yang boleh dimasukkan dalam kategori simpanan adalah terdiri daripada mereka yang bersara atau yang menamatkan tempoh perkhidmatan jangka pendek. Dengan adanya cadangan pindaan yang baru ini maka Seksyen 188 pegawai-pegawai yang tertakluk kepada kategori ini bukan sahaja terhad kepada golongan di atas tetapi ia merangkumi juga pegawai yang diberhentikan dan yang meletakkan jawatan.

Satu perbekalan baru iaitu Seksyen 189A adalah dicadangkan untuk dimasukkan dalam Akta Angkatan Tentera Tahun 1972 supaya membolehkan anggota perkhidmatan simpanan memegang pangkat hakiki

yang akhir dipegang oleh mereka semasa perkhidmatan dalam Angkatan Tetap.

Tuan Yang DiPertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang DiPertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.19 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya bangun turut menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972. Fasal 3 Seksyen 25 Akta itu dipinda perkataan "dua belas" dengan perkataan "lima belas". Apabila mereka berkhidmat selama 10 tahun dalam dua tahun itu menjadi Tentera Simpanan. Dan perubahan ini pada fahaman saya digantikan kepada perkataan 15 itu iaitu apabila mereka berkhidmat selama 10 tahun, maka lima tahunlah menjadi Tentera Simpanan. Ini adalah wajar dan sangat perlu kerana tentera-tentera ini telah pun menerima latihan yang begitu cekap, pantas, pengalaman yang luas, pelajaran dan ketenteraan yang diperolehi mereka ini sangat perlu digunakan demi kepentingan negara.

Tuan Yang Dipertua, dalam pada itu tentera-tentera kita apabila dimasukkan sebagai Tentera Simpanan mereka berasa tidak puas hati, tidak puas hati kerana elaun-elaun yang diberi kepada mereka itu tidak bertambah sejak diwujudkan Tentera Simpanan ini ataupun Wataniah ini sehinggalah sekarang.

Kita katalah harga barang-barang dan keperluan seharian pada tahun 1970an, daripada 1960an berbeza sangat nilai-nilainya sehingga tahun 1983 mereka telah merungut menyatakan mereka tidak ada perubahan. Patut ini hendaklah dikaji supaya perasaan dan keadaan diri mereka itu biarlah secara ikhlas sebagaimana saya katakan demi kepentingan negara dan bangsa. Jadi kalau tidak ada perubahan ini, kemungkinan jadinya sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terlalu berkurangan pasukan-pasukan simpanan tentera kita. Ini adalah disebabkan tidak menarik minat mereka. Oleh itu saya berharap kepada pihak Kementerian Pertahanan memberi jaminan bahawa kedudukan mereka ini dikaji sebagaimana kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain tiap-tiap 5 tahun sekali dikaji gaji-gaji mereka. Begitu juga kepada Tentera Simpanan ini dikaji kalau elaunnya 25 sen tidak layak lagi, tolonglah dikaji, mungkin dinaikkan 40 sen dan sebagainya, sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua.

Selain daripada itu, Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 188, mengikut peraturannya dalam tentera ini diberhentikan perkhidmatannya setelah mereka bekerja selama 21 tahun berhak mendapat saraan atau bersara—pencen, minta maaf.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Dengan izin.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Dengan izin. Jadi, apabila mereka bersara setelah genap 21 tahun bermakna ditentukan pekerjaan mereka itu iaitu 21 tahun bukan mengikut umur. Kita katalah seorang tentera itu diambil bekerja sejak mereka berumur 20 tahun, kemudian menunggu 21 tahun ini menjadikan 41 tahun. 41 tahun bagi pihak orang Barat mereka kata masih

pemuda—baharu hendak bermula pemudanya, di situlah diberhentikan tentera ini. Walhal badannya tengah naik, selernya tengah naik, di situlah mereka diberhentikan. Dengan saraan pun tidak mencukupi kerana kalau kita beri mereka itu sampai 50 tahun tentulah persaraannya tinggi. Dan mereka akan berkhidmat mengenangkan negara telah memberi mereka pekerjaan sehingga persaraan yang cukup tetapi oleh kerana tempoh itu sedikit maka persaraannya pun dapat sedikit walhal tenaganya lebih. Inilah saya nyatakan di dalam membahaskan Perbekalan Kementerian Pertahanan tempoh hari bahawa tentera-tentera kita ini bukan mereka ini tidak mahu berkhidmat apabila selepas sahaja mereka berhenti, diberi latihan sesuai dengan latihannya, bukan tidak mahu, tetapi apabila mereka berhenti, cuma dapat kerja menjadi jaga, tenaga jaga dijadikan tenaga tentera juga, tidak payah kita melatih seorang tentera baharu, kita telah mendapat tentera yang berpengalaman sehingga umur mereka 50 tahun tetapi dengan syarat umur begitu tua, yang begitu matang hendaklah sihat badannya, dipilih juga, bukan pula nanti mengikut umur. Apabila mereka itu tidak bermaya, tidak terdaya, uzur badan, uzur macam-macamnya, kalau 30/40 tahun pun kita terpaksa berhentikan. Kita tidak mahu tenaga tentera yang tidak terdaya untuk menentang musuh.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 5 bertujuan memasukkan Seksyen baharu 189A ke dalam Akta bagi membuat peruntukan mengenai pangkat-pangkat yang akan dipegang oleh pegawai-pegawai dan askar-askar dalam simpanan Angkatan Tentera tetap. Ini satu perkara lagi pada mulanya diwujudkan Tentera Simpanan ataupun Tentera Wataniah ini memanglah mereka ketandusan orang-orang yang berpangkat. Apabila tentera tamat dalam

perkhidmatannya yang masih muda apabila dimasukkan/diserapkan menjadi Tentera Wataniah menjadi pegawai di sana dinaikkan pangkat, kalau prebet dijadikan sarjan, tidak ada pada masa itu. Tetapi janganlah di kala ini apabila pegawai-pegawai ataupun anggota tentera kita telah berhenti mereka menjadi Tentera Simpanan, maka pangkat mereka dalam tentera biasa dahulu sarjan sampai Tentera Simpanan mereka jatuh kepada prebet. Ini mintalah perhatian sungguh-sungguh, biarlah wajar sekali Seksyen 188A ini iaitu diberi pangkat hakiki mereka daripada pangkat semasa mereka dalam ditugasnya dahulu maka dalam Tentera Simpanan itu pun diberi pangkat yang sama.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.25 ptg.

Dr. Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

Saya berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan iaitu mengenai tempoh pendaftaran dan juga mengenai penempatan dalam simpanan itu bukanlah pindaan-pindaan yang besar tetapi merupakan pindaan-pindaan yang wajar dan menasabah, kerana peruntukan ini akan memberi flexibility kepada pihak pentadbiran tentera untuk menghadapi kecemasan dan juga untuk menjimatkan perbelanjaan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Oleh itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan pandangan saya mengenai peranan Angkatan Tentera khasnya di negara kita ini. Angkatan Tentera kita seperti Angkatan Tentera di mana-mana negara pun telah dan sedang memainkan satu peranan yang sangat penting. Peranan-peranan yang penting ini termasuklah mempertahankan negara pada masa peperangan, dan yang keduanya mengawal keselamatan pada masa aman. Kedua-dua peranan ini bersangkut paut rapat dengan usaha kita sama untuk memperlindungi sistem demokrasi berparlimen kita supaya semua rakyat kita dapat hidup dalam satu keadaan yang aman dan damai dan dapatlah bersama-sama membina negara yang makmur dan bersatu padu.

Tuan Yang Dipertua, kita selalunya mengukur keberkesanan sesuatu pasukan tentera itu mengikut dua kriteria. Yang pertamanya, ialah mutu senjata dan yang keduanya, ialah dari segi mutu semangat.

Memang adalah sangat penting untuk sesuatu pasukan tentera itu mempunyai senjata-senjata yang mencukupi maka dari segi ini pemodenan senjata adalah penting dan memanglah diperlukan tetapi pada pendapat saya jangan terlalu membazir kerana negara kita ini sebuah negara yang kecil. Yang lebih penting lagi ialah aspek yang kedua iaitu dari semangat. Seperti yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus kelmarin beliau telah menghuraikan dengan begitu jelasnya mengenai pentingnya semangat pasukan tentera dan saya tidaklah bercadang untuk menambahkan apa-apa lagi hujah-hujah yang begitu menarik itu.

Selain daripada itu terdapat dua aspek lagi yang merupakan aspek-aspek yang penting terutamanya bagi masyarakat berbilang kaum seperti

Malaysia ini. Aspek-aspek ini merupakan hubungan sosial. Hubungan sosial dari dua aspek ini pertamanya di antara anggota-anggota dalam tentera, Angkatan Tentera sendiri dan yang keduanya di antara Angkatan Tentera dengan masyarakat dan rakyat pada amnya. Saya menimbulkan perkara ini kerana pada pendapat saya dari segi hubungan sosial ini Angkatan Tentera negara kita dapat memainkan satu peranan yang penting untuk memupuk perpaduan di antara kaum dengan secara langsung.

Biarlah saya huraikan sedikit sebanyak tentang hubungan sosial dalam Angkatan Tentera. Sekiranya kita menempatkan belia-belia dari berbilang kaum dalam satu pasukan tentera sudah pasti mereka ini akan menjalani latihan bersama-sama, mereka akan makan dan minum bersama-sama, mereka akan main bersama-sama, mereka akan bersama-sama menghadapi musuh yang sama, tetapi janganlah mereka mati bersama-sama insya Allah.

Melalui pergaulan ini, dengan senangnya dan dengan semula jadinya akan timbullah satu perasaan kekitaan yang karib tanpa mengira kaum. Maka oleh itu kajian-kajian terhadap Angkatan Tentera di negara-negara yang berbilang kaum yang lain telah menunjukkan bahawa Angkatan Tentera merupakan sebuah institusi (an institution) yang amat berkesan untuk memupuk perpaduan di kalangan anggota-anggotanya yang terdiri daripada berbagai kaum.

Tuan Yang Dipertua, yang keduanya dari segi hubungan sosial di antara Angkatan Tentera dengan masyarakat pada amnya. Adalah wajar untuk sesebuah masyarakat berbilang kaum seperti negara kita ini supaya pasukan-pasukan tentera terdiri seboleh-bolehnya daripada semua kaum. Kalau tidak, sudah tentu akan terdapat keadaan di mana satu

pasukan tentera yang terdiri daripada satu kaum akan mengawal atau meronda dalam satu kawasan yang kebanyakan penduduk-penduduknya terdiri daripada satu kaum yang lain. Oleh kerana perbezaan kaum ini kadangkala akan berlaku sesuatu salah faham, sesuatu yang pada asalnya mungkin bukan perkauman tetapi akan menjadi perkauman kerana perbezaan di antara komposisi Angkatan Tentera dengan komposisi masyarakat di tempat itu.

Saya bukan maksud bahawa kejadian-kejadian seperti ini sering berlaku—tidak, kerana Angkatan Tentera kita pada amnya sangatlah berdisiplin dan bersikap adil tetapi apabila cuma satu peristiwa seperti ini berlaku, maka kemungkinan besar bahawa peristiwa ini akan meletup sebagai sesuatu yang serius, apa lagi apabila isu-isu seperti ini diperalatkan oleh pihak-pihak yang tertentu, maka perkara seperti ini dapat kita elakkan sekiranya Angkatan Tentera kita terdiri daripada berbilang kaum seperti juga masyarakat kita.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bahawa Angkatan Tentera mempunyai potensi untuk memupuk perpaduan sama ada secara langsung iaitu melalui Angkatan Tentera sendiri ataupun secara tidak langsung melalui hubungan di antara Angkatan Tentera dengan masyarakat. Akan tetapi potensi ini nampaknya kurang diusahakan terutamanya dalam Pasukan-pasukan Tentera Darat dan saya mengatakan demikian kerana setahu saya penyertaan dari kaum-kaum bukan Melayu sangatlah berkurangan dalam pasukan tentera kita. Setahu saya penyertaan ini tidaklah melebihi 10% atau setinggi-tingginya 15%. Ini adalah akibat daripada dua sebab yang utama. Yang pertamanya, ini disebabkan oleh struktur Angkatan Tentera kita. Seperti yang kita sedia sedia maklum, sebahagian besar

daripada Angkatan Tentera negara kita terdiri daripada Rejimen-rejimen Askar Melayu Diraja yang tidak boleh menerima anggota-anggotanya dari kaum-kaum yang lain.

Tuan Yang Dipertua, saya memang memahami sejarah dan peranan Rejimen Askar Melayu Diraja. Saya tidak mencadangkan untuk membubarkan Rejimen-rejimen ini, bukan. Tetapi apa yang saya ingin cadangkan ialah sekiranya Kerajaan ingin membentuk Rejimen-rejimen yang baru, keutamaan haruslah diberi kepada pembentukan Rejimen-rejimen yang berbilang kaum. Di samping itu Kerajaan haruslah memperluaskan recruitment ataupun pengambilan budak-budak ataupun belia-belia bukan Melayu ke dalam battalion-battalion yang lain seperti battalion-battalion Ranger dan sebagainya, iaitu pada pendapat saya, Kerajaan boleh mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan penyertaan orang bukan bumiputra dan bukan Melayu. Langkah-langkah seperti kempen yang telah dilancarkan oleh pihak Polis dalam tempoh dua tiga tahun kebelakangan ini yang setahu saya telah mendatangkan hasil-hasil baik yang tertentu.

Faktor yang kedua, ialah mengenai sikap pemuda-pemudi kita khasnya sikap pemuda-pemudi bukan Melayu. Pada masa-masa yang lampau dan sedikit sebanyak pada masa sekarang pemuda-pemudi kita khasnya pemuda-pemudi Tionghua kurang berminat untuk menyertai dalam pasukan tentera. Ini ada sebab-sebabnya. Kalau kita mengkaji sejarah akan didapati bahawa dalam tempoh selama lebih daripada 100 tahun, mungkin sehingga tahun 1950an ini, orang Cina di negara China dan juga orang Tionghua di Malaysia dan di merata-rata tempat yang lain telah mengalami peperangan dan penderitaan yang dahsyat. Maka oleh itu timbullah satu tanggapan bahawa

menjadi askar itu ataupun menyertai Angkatan Tentera itu merupakan satu profesion yang tidak begitu baik sehingga terdapat satu pepatah orang Cina yang mengatakan bahawa "Besi yang baik jangan dijadikan paku; pemuda yang baik jangan dijadikan askar." Maka itulah sikap, tetapi pada pendapat saya sikap ini pada tahun-tahun kebelakangan ini telah dan sedang berubah. Ini dibuktikan oleh sambutan baik yang diterima dari pemuda-pemudi khususnya pemuda-pemudi, pelajar-pelajar bukan Melayu dalam rancangan PALAPIS ataupun Pasukan Latihan Pegawai Simpanan yang dijalankan di universiti-universiti tempatan kita. Maka kalau dibandingkan dengan ibu bapa atau nenek-moyang mereka pemuda-pemudi bukan Melayu pada masa sekarang lebih bersedia untuk tampil ke hadapan untuk menyertai Angkatan Tentera. Dengan lain perkataan, pemuda-pemudi keturunan Cina, India dan sebagainya yang dilahirkan, yang dididik di Malaysia sekarang adalah 100% taat setia dan mereka bersiap sedia untuk menunjukkan ketaatsetiaan mereka kepada negara kita yang dicintainya.

Tuan Yang Dipertua, apa yang diperlukan ialah galakan dan dorongan yang sesuai dari pihak-pihak yang berkuasa untuk menyakinkan mereka bahawa peluang adalah terbuka kepada mereka untuk turut menyertai bersama-sama dengan bangsa-bangsa yang lain.

Tuan Yang Dipertua, satu faktor lagi mungkin berasal daripada keadaan di mana orang Tionghua khususnya pada dahulunya mungkin ada pilihan-pilihan lain dari segi pekerjaan. Misalnya, mereka bolehlah turut serta dalam perniagaan, perdagangan dan sebagainya. Sebaliknya, orang-orang Melayu lebih mirip kepada perkhidmatan beruniform ataupun dengan izin, uniformed services, akan tetapi

keadaan inipun tidaklah berubah. Dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru maka lebih ramai pemuda-pemudi Melayu pun tidak turut menyertai dalam bidang perniagaan dan sebagainya.

Maka selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru untuk membentuk semula struktur masyarakat kita, mungkin sudah sampai masanya untuk mengkaji bagaimana kita dapat membentuk semula struktur Angkatan Tentera kita supaya lebih membayangkan komposisi kaum dan supaya dapat memberi sumbangan yang lebih kepada perpaduan negara. Tambahan pula selaras dengan cadangan Yang Berhormat dari Jasin semasa beliau membahaskan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Oktober tahun lalu, saya juga sependapat bahawa mungkin sudah sampailah masanya untuk mempertimbangkan kemungkinan mengadakan Perkhidmatan Negara (National Service).

Maka dengan ini Tuan Yang Dipertua, saya ingin sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.46 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera, tahun 1972.

Di dalam pindaan untuk menambahkan tahun sebagai pendaftaran bagi Angkatan Tetap Tentera daripada 12 tahun kepada 15 tahun adalah amat wajar dan sesuai sekali bagi mereka yang hendak meneruskan perkhidmatan di dalam Angkatan Tentera dan pindaan ini tidak akan menjadi masalah apa-apa

kepada mereka yang benar-benar cintakan untuk meneruskan perkhidmatannya dalam Angkatan Tetap Tentera.

Cuma saya hendak memberi pendapat dari segi kelonggaran untuk memberi pemberhentian kepada Angkatan Tentera yang tidak sanggup untuk meneruskan bagaimana yang didaftarkan untuk menjadi tentera. Sekarang ini—tetapi bukanlah merupakan satu golongan besar, hanya segolongan kecil—terdapat pemuda-pemudi kita yang tidak sanggup menamatkan kontraknya dari segi pendaftaran sebagai Angkatan Tetap Tentera dan hendak meninggalkan perkhidmatan Angkatan Tentera menyebabkan mereka ini tidak dibenarkan sekiranya tidak mempunyai sebab-sebab yang begitu konkrit atau sokongan yang kuat daripada mana-mana pihak menyebabkan mereka ini terpaksa lari ataupun meninggalkan dengan secara sendiri yang tidak diketahui oleh pihak atasan. Perkara ini satu daripada sebabnya ialah oleh kerana mereka tidak dapat berhenti atau menamatkan kontraknya dengan sebab tidak ada kelonggaran di dalam pemberian pemberhentian ini.

Jadi saya minta kepada pihak yang berkenaan supaya penambahan masa kepada 15 tahun ini adalah wajar tetapi kelonggaran untuk berhenti sekiranya ada sebab yang patut, adalah patut dibenarkan oleh kerana kalau kita menahan orang yang berminat untuk meneruskan perkhidmatan, sudah tentulah akan menimbulkan tekanan jiwa dan sebagainya kerana apabila kita masuk Angkatan Tentera, Kad Pengenalan kita kena serah, semuanya kena serah kepada pihak berkuasa sehingga sekarang ini ada askar yang lari daripada Angkatan Tentera ini meninggalkan tanpa Kad Pengenalan dan mereka ini tidak dapat memohon Kad Pengenalan lain. Jadi ini

menyiksa mereka ini walaupun oleh kerana mungkin sebab-sebab tekanan yang berat menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan perkhidmatan sebelum habis tempoh yang ditentukan. Jadi patut perkara ini dilonggarkan demi untuk kepentingan sesama manusia kerana kita tidak perlu memaksa seseorang yang tidak mahu meneruskan walaupun kita ada ikatan ataupun pendaftaran kerana masih ramai pemuda-pemuda kita yang memerlukan untuk mengisi Angkatan Tentera yang dikosongkan oleh mereka itu.

Saya juga hendak menyentuh bahawa sebagaimana yang kita tahu askar ini penuh dengan disiplin. Ini adalah baik tetapi untuk mengenakan disiplin ini kita tidak akan lari luar daripada peri kemanusiaan dan kita dengar banyak apabila anggota tentera habis tempoh perkhidmatannya keluar dan tinggal sebagai orang awam, mereka ini lebih banyak menentang Kerajaan daripada memberi sokongan kepada Kerajaan yang satu masa dahulu mereka itu membelanya. Mungkin bila mereka ini balik ke kampung mereka ini lebih pandai kerana bekas askar tetapi mungkin ada sesuatu penekanan jiwa semasa mereka itu berkhidmat di dalam askar. Oleh kerana kuat disiplinnya kadang-kadang bercakap pun tidak tentu. Ada satu cerita misalnya kita katalah askar ini "Eh Said, berdiri sini!—Ya, Tuan", "Awak bodoh—Ya, Tuan". "Siapa bodoh—Tuan bodoh". Maknanya dia tidak tahu apa dia kata. Terbit dengan spontan. Ini saya kata satu contoh. Tetapi apabila kata tuan bodoh itu, piaang! "Awak lari 10 keliling padang", itu dia tanya dengan spontan.

Jadi benda inilah kita kata kita tidak boleh, manusia ini kita jadi sebagai satu jentera. Saya meminta kepada perkhidmatan tentera ini, kita mahu disiplin tetapi kita tidak perlu jalankan deraan ataupun menjalankan sesuatu

di luar daripada sepatutnya kerana kita tahu untuk membentuk manusia ini dengan disiplin yang baik tidak semestinya kita membuat deraan yang diamalkan oleh pihak penjajah. Kita tahu oleh kerana satu masa negara kita di dalam penjajahan barangkali, unsur-unsur itu masih ada bahawa mereka itu terpaksa melakukan kekerasan kepada kita pada suatu masa dahulu, masa kita jadi prebet. Mungkin di saat inilah semasa kita menjadi ketua ini kita menjalankan keadaan yang sama kepada orang yang di bawah daripada kita. Ini tidak sesuai lagi dengan saat yang ada. Sebaliknya apabila kita di masa prebet dahulu kita sebagai askar di bawahan telah didera oleh ketua kita dan ini merupakan satu keinsafan kepada kita kalau kita menjadi sebagai seorang ketua atau pegawai di dalam tentera.

Saya menyebut ini kerana kita mahukan satu disiplin yang kuat maka kita terpaksa menjalankan sesuatu deraan atau paksaan yang di luar daripada sepatutnya kerana kita tahu pemuda-pemuda juga mempunyai pemikiran yang sama dengan kita.

Satu lagi untuk mengelakkan oleh kerana dalam askar ini semuanya terikat, bukan sahaja disiplin, cara tidurnya, makanan dan segalanya semua terikat dengan keadaan disiplin yang baik. Ini baik. Tetapi apabila mereka ini keluar selepas pencon berhenti atau habis kontraknya berhenti mereka ini akan hidup di dalam satu keluarga dan orang awam. Dan pada masa ini pemikiran dia pada masa dia duduk dia tidak kira siapa, dia tidak kata tentera tetapi semasa dia sebagai tentera itu banyak tekanan, banyak paksaan, bukan sahaja tubuh tetapi fikiran juga. Seolah-olah macam memikir kepada satu hala. Maka apabila dia keluar dia anggapkan ini tidak baik. Kerajaan yang ada sekarang tidak baik, kita mesti ubah. Maka dengan sebab itulah menimbulkan penentangan balik

kepada Kerajaan. Jadi dengan sebab itulah setidak-tidaknya sebelum tamat masa kontrak 15 tahun ataupun jika sekiranya dia masih bekerja sebagai askar tetap simpanan, patut diberi kursus politik dan juga kursus-kursus ketatanegaraan kepada mereka ini untuk mengetahui masalah politik negara kita, untuk mereka ini mengetahui tentang perjalanan politik di negara kita dan juga segala-gala selok-belok yang berlaku di luar daripada Angkatan Tentera. Kerana kita tahu kalau selama 15 tahun, 20 tahun ataupun lebih daripada itu mereka berada di dalam keadaan sesuatu suasana yang begitu disiplin sekali apabila mereka keluar sudah tentu mereka akan merasa bebas, mereka akan merasa pada masa itulah mereka baru mula untuk mengeluarkan pendapatnya yang mungkin bercanggah dengan pendapat yang ada di pihak Kerajaan atau pihak yang ada dalam masyarakat pada masa itu. Jadi inilah patut diberi sebagai satu panduan kepada mereka itu untuk menerima perkara ini.

Dan juga di dalam Fasal 5 apabila askar ini menjadi simpanan kepada Angkatan Tetap Tentera ini bukan sahaja pangkat hakikinya diberi tetapi gajinya juga dan kemudahan yang dinikmati oleh mereka itu juga patut diberi dan juga segala kemudahan yang dinikmati semasa mereka itu menjadi askar tetap akan tetap diberikan kepada mereka ini supaya mereka itu akan dapat meneruskan hidupnya sehingga ke angka 50 tahun selain daripada memberi latihan-latihan untuk mereka itu terus hidup sebagai orang awam biasa.

Saya juga ingat tentang bangsa-bangsa bukan Bumiputera yang tidak begitu suka menjadi askar. Saya tidak tahu apa sebab mereka ini tidak minat, tetapi mungkin minat ini akan lahir daripada kesedaran pemuda-pemuda itu sendiri. Iaitu kesedaran dari segi kecintaan mereka itu terhadap negara

ini dan taat setia mereka itu kepada negara ini untuk mempertahankan negara ini daripada serangan musuh adalah penting untuk mereka menarik minat ke dalam askar-askar.

Setahu saya pada suatu masa dahulu kita telah mengadakan satu kerahan tenaga dan saya menyokong untuk mengadakan misal kata, National Service, dengan izin, iaitulah Perkhidmatan Negara bagi orang-orang awam. Tetapi sebelum itu hendaklah jangan ada di antara rakyat kita yang mengelakkan daripada perkara ini untuk lari keluar daripada negara ini kerana takut kepada National Service misalnya. Kerahan tenaga ini pernah kita lakukan, pernah kita adakan, tetapi ada mereka yang lari keluar daripada negara kita untuk perlindungan.

(Tuan Yang Dipertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Jadi sebelum Kerajaan mengadakan ini hendaklah mengkaji baik dan buruknya supaya tidak akan ramai rakyat kita lari keluar ke negara-negara lain kerana takut kerahan tenaga, kerana takut matikah ataupun takut apa, banyak di antaranya. Jadi untuk menentukan yang mereka ini benar-benar cintakan kepada negara ini dan juga taat setia mereka ini tidak akan ragu-ragu lagi, maka ini akan menarik minat mereka ini untuk menyertai Angkatan Tentera kita. Dan saya tidak minta mereka ini untuk masuk Askar Melayu kerana Askar Melayu ini untuk orang Melayu kerana kita tahu Melayu pun tidak banyak tinggal sekarang. Keretapi Tanah Melayu kata kawan saya dan *Utusan Melayu* dan satu lagi Askar Melayu. Begitu banyak askar-askar lain atau bahagian-bahagian Ranger atau Infantry yang boleh mereka ini menyertai yang saya rasa akan terbuka. Tetapi penting bagi mereka itu lahir daripada minat dan kehendak-kehendak sendiri dan

sanggup mempertahankan negara ini lahirnya daripada jiwa mereka juga.

Dengan sebab itulah maka unsur-unsur bagi mereka ini menarik minat terhadap perkhidmatan tentera ataupun berkhidmat di dalam kerahan tenaga adalah patut diberi pertimbangan demi untuk mempertahankan negara ini, dan kita hendaklah ingat bahawa yang mereka itu akan hidup dan mati di dalam negara ini. Kalau mereka itu mempunyai kesanggupan ini maka kita tidak ragu-ragu bagi pihak Kerajaan supaya menerima mereka ini sebagai satu anggota tentera dan jadikanlah Angkatan Tentera ini mempunyai minat oleh semua bangsa yang ada di dalam negara kita.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa perkhidmatan tentera ini adalah satu perkhidmatan yang mulia, yang merupakan satu perkhidmatan kepahlawanan yang kita tahu walaupun kita sekarang ini duduk di dalam keadaan senang, rehat, tetapi mereka ini duduk di sempadan-sempadan dan juga di tempat-tempat yang merbahaya, yang hidup dengan nyamuk, pacat dan segala-galanya demi untuk menjaga kepentingan kita. Jadi, layanan-layanan yang baik dan juga keistimewaan-keistimewaan yang patut diberi kepada mereka ini patut diutamakan, jangan kita menganggapkan mereka ini hanya sebagai satu alat yang boleh kita membuatkan mereka ini sebagai satu jentera untuk kepentingan orang lain. Dengan sebab itulah saya berharap bahawa layanan yang baik kepada Angkatan Tentera terutama di dalam menentukan disiplin ini adalah lebih baik dan lebih menanam semangat kasih mereka itu kepada Kerajaan dan pemimpin negara ini.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyebut juga apabila sampai tempoh pencennya, habis daftar sebagai angkatan tetap dan untuk masuk ke angkatan simpanan mereka

ini hendaklah diletakkan di tempat-tempat yang tidak jauh daripada kampung halaman mereka dan diletakkan mereka itu kalau boleh di kawasan yang berhampiran supaya mereka ini dapat menjalankan tugas mereka di samping mereka ini menyediakan diri untuk mereka terus hidup selepas mereka ini meninggalkan perkhidmatan ini secara keseluruhannya. Keadaan-keadaan ini saya rasa akan sedikit sebanyak memberi faedah kepada Angkatan Tentera, kepada masyarakat dan kepada keluarga mereka yang akan memberi mereka keselesaan yang sama, sama ada mereka itu di dalam Angkatan Tentera atau selepas mereka itu berhenti kerana khidmat mereka ini adalah khidmat yang penting dan khidmat yang berjasa atau khidmat yang telah memberi kebaikan atau khidmat yang boleh disanjung kepada negara kita untuk menentukan keadaan negara kita terus hidup dan juga Dasar Ekonomi Baru kita terus berjaya sebagaimana yang kita harap daripada Kerajaan yang ada pada hari ini.

Dengan sebab itulah saya menyokong Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1982 ini.

6.03 ptg.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyokong pindaan Rang Undang-undang Angkatan Tentera 1983.

Tuan Yang Dipertua, pada tahun 1983 ini, maka genaplah usia Angkatan Tentera kita 50 tahun, yang mana baru-baru ini Angkatan Tentera kita telah pun mengadakan perayaan Jubli Emasnya dengan izin, Golden Jubilee. Ini bererti yang mana Angkatan Tentera yang sudah berumur 50 tahun, setengah abad boleh dikatakan dalam satu kumpulan tentera yang cukup matang, cukup masak dan sama ada dari segi

peperangan, dari segi technical know-how, sama ada perang-perang gerila ataupun taktik perang perang terbuka (conventional warfare).

Dari segi Angkatan Tentera kita telah beberapa kali mengadakan latihan-latihan perang mulai daripada latihan secara conventional ataupun jungle warfare iaitu daripada Gonzales I, II, III, IV, V dan seterusnya.

Di sini ingin saya mengatakan bahawa Angkatan Tentera kita dalam segi peperangan dalam hutan (jungle warfare) boleh dikatakan satu daripada Angkatan Tentera yang handal dalam masalah peperangan hutan, cuma kita dalam masalah perang berhadap, perang terbuka yang kita rasa kita belum pernah cuma semasa Perang Dunia Kedua dahulu yang mana Angkatan Tentera kita mempunyai dua batalion sahaja terdiri daripada Askar Melayu di zaman British dahulu yang mana kita telah dengar Angkatan Tentera kita bertempur dengan begitu hebat menentang musuh iaitu tentera-tentera Jepun di Singapura dan juga di Kota Bharu. Di sini yang menimbulkan sedikit masalah apa yang saya ingin menekankan sedikit kepada Kementerian Pertahanan dan juga kepada anggota-anggota tentera kita berhubung dengan masalah tentera kita ini.

Walaupun kita sebuah negara yang kecil, tentera yang sedikit, tetapi dari segi peperangan cara moden, kita misalnya baru-baru ini peperangan antara tentera-tentera British dengan Argentina di Falkland, peperangan di Lebanon dan di merata-rata tempat lagi; yang menjadi masalahnya mengapa Angkatan Tentera kita tidak menghantar bukan untuk berperang, menghantar 4-5 orang wakil daripada pegawai-pegawai tentera untuk menyaksi selok-belok peperangan di sana. Misalnya, tentera kita boleh menghantar bersama dengan tentera-tentera British, bukan tujuan untuk

berperang tetapi sebagai juru gambar pun boleh, kita ambil gambar, kita boleh pergi tengok macamana dia punya tektik peperangan cara British menyerang tentera-tentera Argentina di Falkland itu sama ada menerusi darat, luar dan udara. Dari situ baru kita boleh dapat tahu macam mana peperangan cara moden ini. Peperangan cara moden kemudian pula baru-baru ini peperangan di Grenada oleh Amerika, kita pergi juga tengok, hantar bersama-sama dengan tentera Amerika supaya dapat kita tengok macam mana, bukan tengok sahaja cara berperang tetapi kita dapat mengambil pengetahuan, ambil pengalaman itu

Tuan Yang Dipertua: Tentera sebelah lagi itu?

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Macam mana, Tuan Yang Dipertua?

Tuan Yang Dipertua: Tentera sebelah lagi itu.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Itu di dalam peperangan kita boleh, sebab apa seperti negara-negara lain, mereka hantar. Apa yang saya dapat tahu, yang saya dapat risek-risek, kata orang, sebab kita sebagai Ahli-ahli Parlimen pun banyak daripada pegawai-pegawai tentera yang berfikir dalam masalah itu berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen menerangkan, kalau saya hendak cerita masalah itu banyak kelemahan-kelemahan kita ini, kalau dengar pun semua orang nanti kecut perut kalau tentera Vietnam serang begitu begini. Saya sendiri pun dengar terasa kecut perut, tetapi sebagai seorang Islam yang semangatnya berkobar-kobar untuk mempertahankan negara kita yang kita cintai, insya Allah "pisabilillah", tak gentar, iman kita kuat, tetapi kepada rakyat kita yang belum tahu

masalah peperangan, sebab saya dilahirkan zaman Jepun, mungkin semangat Jepun itu pun ada juga.

Jadi inilah yang saya ingin menekankan kepada Kementerian Pertahanan, terutamanya kepada pegawai-pegawai tentera, tadi kita sudah dengar ada beberapa orang, memang benar, mengapa tentera kita ini yang kadang-kadang sifat pegawai-pegawai ini masih terbawa-bawa juga, itu saya selalu perhatikan, terbawa-bawa sikap seolah-olah sifat ketuanan itu berlebih-lebih sangat. Adakalanya kalau dia itu pegawai, katalah Kapten, Mejar, selalunya mereka disediakan "Batman", adakalanya kalau hendak suruh cuci kasut, cuci, sapu kasut itu, ada pegawai ini. Inilah dia, mengapa jadi begini? Ini kalau orang yang tak Islam tak mengapa, pegawai itu orang Islam sendiri.

Kemudian diadakan "mess" untuk minum arak, masih lagi, yang mana kita hendak membawa cara Islam, masih terbawa-bawa, terikut-ikut lagi cara Barat. Tak mengapa kita latihkan tentera kita berlatih di Eropah, di Amerika atau di Jerman, di manapun tak menjadi masalah, tetapi sifat keislaman seorang pegawai tentera mesti ada. Wakil dari Kuala Nerus kelmarin menyatakan supaya ditanamkan semangat keimanan.

Sekarang pegawai tentera ataupun tentera, saya kurang yakin, kecuali semasa darurat dahulu, hendak pilih askar itu orang yang tegap-tegap, bukan nanti tegap sahaja, maksudnya orang yang bersemangat. Sekarang ini pun askar kita bersemangat, tetapi kurang disiplin. Apa gunanya kalau askar ramai tetapi kurang disiplin? Disiplin itu yang paling utama sekali. Bak kata Allahyarham Sukarno: Saya mahu 100 orang pemuda yang berdisiplin, lebih baik daripada 1,000 pemuda yang tidak ada disiplin. Ini yang kita hendak. Biar Angkatan Tentera itu sedikit, tetapi berdisiplin, daripada atas sampai ke bawah.

Jangan askar pangkat sarjan ke bawah sahaja disiplin, yang pangkat atas pula tak ada disiplin. Ini setengahnya itu bila pangkat besar, berlagak macam-macam, tetapi bukanlah kesemua, cuma segelintir.

Saya minta kepada Kementerian Pertahanan supaya ditekankan kepada latihan. Misalnya, sekarang ada di Lebanon, peperangan di antara Al-Fatah sesama Al-Fatah, peperangan di masa dahulu antara Israel dengan Syria. Apa salah kita sebagai satu badan dunia kita pergi bersama, hantar sekurang-kurangnya dua tiga orang, pergi siasat, tengok macam mana cara ia berperang, hendak tahu juga. Perang di sini, cara perang di udara, perang laut. Kalau perang cara udara, hantar pegawai tentera udara seorang dua. Cara laut, tentera laut seorang dua, macam mana kita dapat pengalaman daripada situ. Ini saya rasa tak ada, Kementerian Pertahanan tak pernah hantar, takut rugikah, yang hendak pergi hantar itu pun takutkah atau macam mana, tak tahu. Kalau takut, tak usah masuk askar. Jadi begitulah sedikit sebanyak berhubung dengan masalah latihan-latihan perang.

Satu lagi dalam masalah anggota-anggota tentera kita. Apa yang saya dapat tahu, mengikut dalam satu-satu battalion, kekuatannya (strength) ialah 1,000 orang dalam satu battalion ataupun dalam Angkatan Tentera Amerika satu battalion 1,200 orang, tetapi kita mengikut British. Di sini apa yang saya dapat tahu, dalam satu battalion cuma ada antara 600 ke 700 orang sahaja. Bila saya tanya Kementerian Pertahanan, katanya tak cukup pegawai, tetapi tiap-tiap tahun kita tengok ramai kita pilih pegawai-pegawai tentera, tetapi mungkinlah. Yang menjadi kurangnya pegawai ini oleh kerana apa? Saya ada banyak keluarga saya sendiri dalam Angkatan Tentera yang berpangkat Kolonel, pangkat Mejar, yang Brigadier Jeneral

pun ada, dalam masalahnya bila sampai ke pangkat Mejar, ke pangkat Leftenan Kolonel dia sudah letak jawatan. Fasal apa? Tentu kita bertanya fasal apa sampai ke Leftenan Kolonel dia letak jawatan. Ini satu masalah.

Saya suka bercakap terus-terang, tak suka berselindung-selindung, "direct to the point", kerana apa, kerana ada diskriminasi. Kalau bapanya Menteri ada keluarganya di dalam itu, dinaikkan sedikit. Maafkan saya, Timbalan Menteri Pertahanan ada keluarga dia, dia Timbalan Menteri Pertahanan—naikkanlah; ini keluarga saya, naikkanlah sedikit, walhalnya pegawai-pegawai tentera yang otaknya bergeliga, setengahnya itu bijak, dikurangkan sedikit, tak berapa naik, orang ini nanti makannya pula. Askar kita ini kalau nama orang Melayu, dia tak pernah derhaka, insya Allah, dia tidak akan derhaka, sebab dia pun orang yang tidak akan derhaka kepada sesiapa. Ini yang menjadi satu masalah, kerana hendak naik pangkat, kerana keluarga. Perhati, tengok daripada atas sampai ke bawah. Ini saya berterus terang. Sekejap lagi saya tahu Timbalan Menteri pun tentu akan jawab, hendak bambu saya balik, saya terima semuanya itu.

Kenaikan pangkat tadi, bila sampai Leftenan Kolonel, sudah berhenti. Bila sudah sampai Leftenan Kolonel tak sempat naik Kolonel, lepas Kolonel hendak naik Brigadier, daripada Brigadier naik Mejar Jeneral, sampai setakat itu. Kerana apa mereka ini? Kerana masalah tadilah iaitu diskriminasi. Dia dihantar jadi Atace, bila sudah sampai ke Atace, maknanya orang itu sudah tak ada peluang hendak naik pangkat, setengahnya itu. Dengan sebab itulah maka Angkatan Tentera kita kurang pegawai-pegawai yang berpengalaman, kerana yang ada berpengalamannya sedikit. Contohnya

dahulu, ada seorang Mejar Jeneral, patut sekarang sudah full Jeneral, letak jawatan. Kerana apa? Kerana mengikut susunannya, sepatutnya dia, kadang-kadang bila diberi pandangan kepada pegawai-pegawai atasan, tak mahu diterima. Itulah caranya.

Ini tugas, terpaksa saya dedahkan, cerita terus-terang. Tujuan saya bercakap terus-terang ini supaya kita insaf untuk kita selamatkan negara kita, selamatkan bangsa kita, agama kita. Itu tujuan saya suka bercakap terus-terang. Tetapi ada setengahnya tidak suka berterus-terang, bila bercakap terus-terang itu, marah.

Selain daripada itu, dalam masalah penyusunan tentera kita dalam segi divisionnya itu, mengapa kita tidak ada cara menyusunnya? Sebab apa, kita ini mengikut cara British, tetapi saya pernah melawat ke Republik Indonesia pada tahun 1976 dan 1978, secara kebetulan saya dapat melihat sendiri susunan Angkatan Tentera Indonesia yang terdiri satu daripadanya Jawa Barat, iaitu Divisi Siliwangi, yang mana dalam satu division itu dia cukup lengkap; dengan infantrynya, dengan tentera meriamnya, dengan para troopnya, tank wajanya serba-serbinya cukup lengkap. Jadi, kita dalam satu-satu division itu kita di sini berlainan.

Cuba kita ambil taktik ataupun cara itu sebab dalam hubungan itu kita boleh. Jangan kita ikut cara Barat atau British sahaja, kita ambil cara Timur pula, macam mana taktik tentera Jepun, macam mana taktik tentera Korea, kita ambil, campur aduk sedikit sebanyak dan tentera-tentera kita apa salahnya kita hantar berlatih di Jepun, di Korea sebab pernah Jepun mengalahkan Amerika, pernah mengalahkan negara-negara lain, mengapa kita tak hendak ambil taktik Jepun sama. Jepun pernah mengalahkan Russia pada tahun 1904, kemudian Perang Dunia Kedua

dahulu Jepun menakluki seluruh Asia Tenggara. Kita ambil sedikit sebanyak taktik-taktik perjuangan tentera-tentera Jepun sebab Vietnam pun telah mengambil cara tentera Jepun semasa berperang dengan Perancis dan juga tentera Amerika di Vietnam dahulu taktik tentera Jepun dan keberanian tentera-tentera kita terutama terdiri dari askar-askar yang beragama Islam mesti ada tanamkan semangat, pertama sekali semangat supaya takwa kepada Allah, semangat sayang kepada agama, semangat sayang kepada negara, itu yang pertama.

Selain daripada itu, mengapa tentera Vietnam, tentera Jepun yang berani mati "Kamikazi" itu ditanam semangat, jadi mengapa kita tak boleh tanamkan semangat tentera-tentera kita begitu.

Dengan itu, Tuan Yang Dipertua, akhir kata saya menyokong Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1983.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.23 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1983 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menyentuh fasal-fasal di dalam Akta ini, sukalah saya menyentuh beberapa perkara am mengenai Angkatan Tentera kita.

Tuan Yang Dipertua, pada umumnya tidak ada siapa yang dapat menafikan tentang jasa dan pengorbanan Angkatan Tentera kita

terhadap menjamin keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kedaulatan negara dan bangsa. Ini terbukti dengan pengiktirafan yang telah diberi oleh Kerajaan dan negara iaitu mengisytiharkan Hari Angkatan Tentera.

Tuan Yang Dipertua, dengan tidak berniat untuk menyentuh nama baik Angkatan Tentera kita tetapi sebaliknya dengan perasaan cinta kepada Angkatan Tentera kita saya suka memberi sedikit teguran cara-cara Kerajaan ataupun pegawai-pegawai Angkatan Tentera menyelesaikan masalah-masalah di dalam Angkatan Tentera. Satu daripadanya cara Kerajaan menyelesaikan masalah anggota-anggota Angkatan Tentera yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah. Perkara penglibatan tentera di dalam penyalahgunaan dadah ini tidak lagi menjadi rahsia umum tetapi telah dilaporkan di dalam akhbar-akhbar tempatan dari semasa ke semasa secara terbuka.

Tuan Yang Dipertua, mengikut penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di Dewan yang mulia ini dan juga keadaan yang berlaku di dalam negara kita ini khususnya apabila seseorang anggota Angkatan Tentera itu terdapat melakukan kesalahan, satu daripadanya penagihan dadah, mereka akan diambil tindakan disiplin dan kemuncak daripada tindakan itu ialah menyingkirkan anggota tentera itu atau yang terlibat itu daripada Pasukan Angkatan Tentera kita.

Mengikut apa yang dapat saya lihat dan saya fahamkan, setelah seseorang anggota tentera itu disingkirkan ianya dibiarkan ataupun dibenarkan balik ke pangkuan masyarakatnya.

Apa yang menjadi masalah, apabila seseorang anggota tentera itu dihantar balik ke dalam pangkuan

masyarakatnya dan kadangkala ibu bapa atau saudara-mara mereka cuba pula menyembunyikan peragai anak-anak atau saudara-mara mereka yang terlibat dengan penagihan dadah itu.

Apabila seseorang yang telah terlibat dengan penagihan dadah itu maka jika usaha-usaha ke arah merawatnya tidak dibuat maka sudah tentulah tabiatnya itu kian hari kian meningkat dan inilah yang menjadi punca masalah. Pernah berlaku di sebuah kampung, pada mulanya tidak ada seorang pun anak-anak muda di kampung itu terlibat dengan dadah tetapi setelah balik salah seorang anggota tentera yang telah dibuang daripada Angkatan Tentera kerana terlibat dengan dadah maka keadaan itu telah dapat mempengaruhi anak-anak muda yang menjadi rakan sahabatnya turut sama terlibat dengan penagihan dadah. Jadi perkara ini orang ramai telah dapat mengetahui tentang punca masalah berlakunya wabak dadah di tempat itu iaitu berpunca daripada anggota tentera yang baru diberhentikan daripada Angkatan Tentera maka mereka telah dituduh bahawa: ha, inilah budak-budak askar kita. Walaupun cakapnya itu ringkas tetapi dari segi pengertian adalah menjejaskan nama baik Angkatan Tentera kita. Ini askarlah, akibat budak-budak askarlah anak-anak dia sudah terlibat dengan dadah. Jadi, inilah sebabnya saya bawa ke Dewan ini supaya pada masa-masa yang akan datang bukanlah begitu cara kita melepaskan tanggungjawab di dalam masalah yang saya sebutkan.

Pada pandangan saya apabila seseorang anggota tentera telah terlibat dengan penagihan dadah selain daripada ianya mesti dipecat atau dikeluarkan daripada Angkatan Tentera itu maka pihak yang bertanggungjawab di dalam Pasukan Tentera ini hendaklah menghantarkan mereka ini ke pusat-pusat pemulihan sebelum ianya dibenarkan balik hidup

di dalam pangkuan masyarakat. Dengan cara yang seperti ini sekurang-kurangnya kita telah membuktikan bahawa kita sedang berusaha ke arah membendung daripada merebaknya penyakit dadah bukanlah seperti apa yang saya tahu sekarang ini masalah yang berlaku di dalam Angkatan Tentera telah kita biarkan merebak di dalam masyarakat umum pula.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.